

KAJIAN PENGETAHUAN SEKSUALITI DALAM KALANGAN PELAJAR

DISEDIAKAN OLEH:

**ABDUL RAZAK ABD MANAF, Ph.D
ZAKIYAH JAMALUDDIN, Ph.D
ZARINA MAT SAAD, Ph.D
AZLIN HILMA HILLALUDDIN, Ph.D
NOOR AZIZAH AHMAD
RAJWANI MD ZAIN, Ph.D
FATIN HAKIMAH MOHD ARSHAD
WAN ABDUL RAHMAN KHUDZRI WAN ABDULLAH, Ph.D**

**PROGRAM KERJA SOSIAL
PUSAT PENGAJIAN PEMBANGUNAN SOSIAL
KOLEJ SASTERA & SAINS
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN & INOVASI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Syukur Alhamdulillah dengan keizinanNYA laporan kajian ‘Pengetahuan Seksualiti dalam Kalangan Pelajar’ ini berjaya disiapkan.

Laporan kajian ini tidak dapat dilakukan tanpa sokongan individu, organisasi dan pihak-pihak tertentu. Pertamanya, penyelidik ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Universiti Utara Malaysia yang telah memberi geran penyelidikan dan juga di atas kepercayaan melantik penyelidik untuk mengendalikan kajian ini.

Ribuan terima kasih penyelidik ucapkan kepada Dekan Pusat Pengajian Pembangunan Sosial, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia, dan kakitangan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) atas komitmen, kerjasama dan bantuan dalam melicinkan pelaksanaan kajian ini.

Tidak ketinggalan juga sekalung penghargaan ditujukan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Kedah, Sekolah Menengah Kebangsaan Changlun dan semua responden kajian ini yang telah sudi meluangkan masa, tenaga dan sebagainya dalam menjayakan kajian ini. Pengalaman yang dikongsi, kerjasama yang diberikan dan sumbangan idea yang dihulurkan amat tidak ternilai kepada penyelidik bagi memastikan kajian ini berjaya menepati kehendak dan objektif berkaitan.

Penyelidik juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua individu yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan dan memberi sumbangan dalam kajian ini. Jasa dan budi bakti tuan/puan hanya Allah sahaja yang mampu membalasnya.

ABDUL RAZAK ABD MANAF, PH.D

ZAKIYAH JAMALUDDIN, PH.D

ZARINA MAT SAAD, PH.D

AZLIN HILMA HILLALUDDIN, PH.D

NOOR AZIZAH AHMAD

RAJWANI MD ZAIN, PH.D

FATIN HAKIMAH MOHD ARSHAD

WAN ABDUL RAHMAN KHUDZRI WAN ABDULLAH, PH.D

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kajian ini memfokuskan kepada pengetahuan seksualiti dalam kalangan pelajar. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tahap pengetahuan dan sikap pelajar tentang aspek seksualiti, mengenalpasti keterkaitan tahap pengetahuan seksualiti dengan aspek demografi yang terpilih dan mengenalpasti keperluan pendidikan mengenai seksualiti. Kajian ini bersifat kuantitatif di mana pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan kaedah tinjauan (survey) melibatkan pelajar di dua seting institusi pendidikan iaitu sekolah dan universiti. Responden kajian terdiri daripada para pelajar yang mengambil kursus-kursus Program Pengurusan Kerja Sosial di Universiti Utara Malaysia (238 orang, 33.7%), dan para pelajar Tingkatan Satu (132 orang, 18.7%), Tingkatan Dua (133 orang, 18.8%), Tingkatan Empat (149 orang, 21.1%) dan Tingkatan Enam Atas (54 orang, 7.6%) di Sekolah Menengah Kebangsaan Changlun, Kedah.

Hasil kajian ini menunjukkan secara umumnya, responden kajian ini menunjukkan tahap pengetahuan yang sederhana tentang hal-hal seksualiti. Analisis korelasi menunjukkan bahawa semakin meningkat usia responden maka semakin baik tahap pengetahuan seksualiti mereka. Begitu juga analisis ujian t yang mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tentang pengetahuan berkaitan seksualiti berdasarkan jantina, di mana skor pengetahuan pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding pengetahuan pelajar lelaki. Dari segi pengalaman berkaitan seksual, didapati bahawa pengalaman paling kerap dilaporkan oleh responden adalah keluar temujanji (*dating*), menonton filem/video lucu dan mempunyai kawan yang pernah melakukan hubungan seks. Selain itu, responden kajian ini juga mempunyai sikap yang konservatif terhadap isu-isu seksualiti.

Berdasarkan kajian ini, sumber pengetahuan seksual yang paling utama dirujuk oleh responden ialah kawan-kawan, diikuti oleh pembacaan buku dan majalah, serta maklumat dari internet berbanding ibu bapa atau sumber-sumber yang lebih formal. Pelajar lelaki didapati lebih cenderung merujuk sumber-sumber yang tidak diketahui kesahihan atau ketepatan maklumat berkaitan seksualiti. Kawan-kawan, internet, CD/VCD serta pengalaman sendiri sering dijadikan sumber rujukan dalam kalangan pelajar lelaki. Berbeza dengan pelajar perempuan yang kebanyakannya merujuk bahan-bahan bacaan, guru dan kelas agama. Cadangan untuk menangani masalah yang timbul akibat maklumat seksual yang tidak tepat yang diperolehi pelajar turut melibatkan pihak-pihak berkepentingan seperti LPPKN, Jabatan Kesihatan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk menambahbaik polisi keluarga dan pelaksanaan program-program pendidikan mengenai seksualiti serta program-program pencegahan masalah sosial dalam kalangan pelajar dan anak remaja.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
RINGKASAN EKSEKUTIF	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI SINGKATAN	viii
BAB 1: LATAR BELAKANG KAJIAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Permasalahan Kajian	1
1.2 Objektif Kajian.....	4
1.3 Kepentingan Kajian	4
1.4 Konsep Seksualiti	5
1.4.1 Pendidikan Seks.....	5
1.5 Skop Kajian dan Limitasi Kajian	7
1.5.1 Kekangan Kajian	8
BAB 2: ULASAN KAJIAN	10
2.0 Pengenalan	10
2.1 Pengetahuan Berkaitan Seksualiti	10
2.1.1 Pengetahuan Berkaitan Sistem Pembiakan.....	12
2.1.2 Pengetahuan Berkaitan Kehamilan.....	14
2.1.3 Pengetahuan Berkaitan Alat Pencegah Kehamilan	16
2.1.4 Pengetahuan Berkaitan Penyakit Kelamin	18
2.2 Sumber Pengetahuan Seksual	20
2.3 Pengalaman Berkaitan Seksualiti	24
2.4 Sikap Terhadap Isu Seksualiti	26
BAB 3: METOD KAJIAN	30
3.0 Pengenalan	30
3.1 Rekabentuk Kajian	30
3.2 Populasi dan Persampelan.....	30
3.3 Instrumen Kajian	31
3.4 Prosedur	32
3.5 Skala Pemarkahan	32
3.6 Analisis Data	34

3.7 Pertimbangan Etika	34
3.8 Kajian Rintis.....	34
BAB 4: DAPATAN KAJIAN	36
4.0 Pengenalan	36
4.1 Profil Demografi Responden	36
4.2 Pengetahuan Berkaitan Seksualiti	44
4.2.1 Skor Pengetahuan Seksualiti.....	45
4.3 Sumber Pengetahuan Seksual	47
4.4 Pengalaman Berkaitan Seksualiti	49
4.5 Sikap Terhadap Isu Seksualiti	52
4.6 Analisis Korelasi Antara Faktor	58
4.7 Analisis Ujian t (t-test).....	60
BAB 5: PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN.....	62
5.0 Pengenalan	62
5.1 Pengetahuan Berkaitan Seksualiti	63
5.2 Sumber Pengetahuan Seksual	64
5.3 Pengalaman Berkaitan Seksualiti	66
5.4 Sikap Terhadap Isu Seksualiti	68
5.5 Implikasi Dasar	70
BAB 6: RUMUSAN DAN KESIMPULAN.....	74
6.0 Pengenalan	74
6.1 Rumusan kajian	74
6.2 Cadangan dan Penambahbaikan Program Pendidikan	75
6.3 Kesimpulan	81
BIBLIOGRAFI	83
LAMPIRAN A: CARTA ALIRAN AKTIVITI PENYELIDIKAN.....	89
LAMPIRAN B: CARTA GANTT AKTIVITI PENYELIDIKAN	90
LAMPIRAN C: JADUAL PERANCANGAN AKTIVITI KAJIAN	91
LAMPIRAN D: SOAL SELIDIK KAJIAN	92

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat	
1.1	Populasi Responden Kajian	7
3.1	Pecahan sampel mengikut tahap pendidikan	31
3.2	Nilai Minimum dan Maksimum serta Pembahagian Markah	33
3.3	Indikator bagi setiap faktor	33
3.4	Nilai alfa bagi instrumen kajian	35
4.1	Demografi keseluruhan responden	38
4.2	Demografi bapa, ibu dan penjaga responden	42
4.3	Soalan-soalan yang kerap dijawab salah	44
4.4	Pengetahuan seksualiti responden berdasarkan kategori tahap	45
4.5	Pengetahuan seksualiti responden sekolah berdasarkan kategori tahap	46
4.6	Pengetahuan seksualiti responden pra-universiti berdasarkan kategori tahap	46
4.7	Pengetahuan seksualiti responden universiti berdasarkan kategori tahap	47
4.8	Sikap responden terhadap isu-isu seksualiti	52
4.9	Sikap responden terhadap isu-isu seksualiti berdasarkan jantina	53
4.10	Item-item sikap konservatif terhadap isu-isu seksualiti	54
4.11	Item-item sikap terbuka terhadap isu-isu seksualiti	57
4.12	Maklumat yang ingin diperolehi melalui pendidikan seks/reproduktif	58
4.13	Hubungan antara pengetahuan tentang seksualiti dengan setiap pembolehubah kajian	59

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
4.1 Sumber rujukan pengetahuan seksual	48
4.2 Sumber rujukan pengetahuan seksual responden berdasarkan jantina	49
4.3 Pengalaman berkaitan seksual yang pernah dilakukan oleh responden	50
4.4 Pengalaman berkaitan seksual yang pernah dilakukan oleh responden berdasarkan jantina	51

SENARAI SINGKATAN

HPV	Human Papilloma Virus
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
PPKS	Program Pengurusan Kerja Sosial
RIMC	<i>Research and Innovation Management Centre</i>
SMKC	Sekolah Menengah Kebangsaan Changlun
STD	Sexually Transmitted Diseases
STIs	Sexually Transmitted Infections
UNFPA	United Nations Funds Population
UUM	Universiti Utara Malaysia

BAB 1: LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian yang dijalankan. Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti pengetahuan seksualiti dalam kalangan pelajar. Dengan menerokai tahap pengetahuan, sumber pengetahuan, pengalaman, dan sikap terhadap isu seksualiti. Bab ini memperihalkan aspek permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, konsep seksualiti, skop dan limitasi kajian yang dilaksanakan.

1.1 Permasalahan Kajian

Pendidikan seksualiti manusia adalah amat penting dan merupakan satu topik yang kompleks (Hatta Sidi, Mohamed Hatta Shaharom & Ramli Hassan, 1999). Namun begitu, penyelidikan mengenai pengetahuan seksualiti dalam kalangan pelajar di Malaysia masih berada pada tahap yang rendah. Masih banyak kajian diperlukan bagi menangani pelbagai persoalan yang berkaitan. Anak-anak yang meningkat remaja misalnya sedang mengalami perkembangan dengan mendadak terutama daripada segi pertumbuhan fizikalnya. Keadaan ini kadang-kadang membimbangkan remaja. Mereka sering menghadapi kesukaran mengawal desakan seksual yang meninggi. Justeru, pengetahuan seksualiti nampak sangat penting supaya mereka dapat menyesuaikan perubahan itu dengan baik. Perkara ini mungkin menjadi lebih genting lagi apabila mereka ini semakin dipengaruhi oleh rakan sebaya yang mungkin juga kurang berpengetahuan (Whitehead, 2009). Perbincangan mengenai isu seksualiti dalam kalangan masyarakat Malaysia juga masih dianggap *taboo* (ataupun larangan) dan memalukan. Oleh itu, terdapat kebarangkalian remaja dan mereka yang berusia awal

dewasa tidak mendapat maklumat dan pengetahuan yang tepat mengenai seksualiti terutama bagi mereka yang berada di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Salah satu isu besar dalam masalah remaja ialah hubungan seksual. Perhubungan seks luar nikah misalnya, walaupun isu ini dipandang berat oleh masyarakat Malaysia namun ianya tidak berjaya menyekat golongan remaja daripada terlibat dalam gejala ini. Kes-kes bayi dibuang boleh terdapat dalam akhbar-akhbar seperti "*Pelajar dipercayai tanam bayi belakang rumah* (Utusan Malaysia, 2009), "*Baby found covered with ants*" (The New Straits Times, May 5, 2010), dan "*2 babies found abandoned*" (Perimbanayagam & Sennyah, 2010) adalah contoh-contoh tersebut. Malah, statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara bagi tahun 2005 – 2009 menunjukkan terdapat lebih daripada 214,000 bayi baru lahir telah didaftarkan tanpa nama bapa (Mohd Azis Ngah, 2010). Berdasarkan statistik tersebut adalah dianggarkan bahawa 83.3 bayi dilahirkan setiap hari secara tidak sah di Malaysia. Oleh itu, fenomena ini menimbulkan kebimbangan mengenai kesan sosial, kesihatan dan perundangan terhadap mereka yang terlibat dalam gejala ini khususnya dan masyarakat Malaysia amnya.

Selain itu, penderaan seksual kanak-kanak juga merupakan isu global yang turut berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia. Statistik penganiayaan kanak-kanak Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia bagi tahun 2005 – 2008 misalnya menunjukkan penderaan seksual merupakan penderaan kanak-kanak yang kedua tertinggi dilaporkan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, tidak bertarikh). Penderaan seksual juga sering mendatangkan trauma dan mengakibatkan gangguan psikologi kepada mangsa (Johnson, 2004; Putnam, 2003). Walau bagaimanapun, budaya dikatakan menjadi penghalang kepada mangsa untuk melaporkan penderaan kepada pihak berkuasa

(Yuille, Marxsen & Cooper, 1999). Masyarakat Malaysia terutamanya sangat konservatif untuk membincangkan isu-isu seksualiti dalam kalangan ahli keluarga. Dengan itu, sukar sekali bagi mereka untuk mendedahkan penderaan seksual yang dialami. Mereka juga takut jika ianya nanti akan mendatangkan masalah terhadap mangsa. Justeru mangsa akan mengalami stres kerana terus mendiamkan diri akibat kurang sokongan sosial daripada keluarga dan persekitaran.

Meskipun begitu, kes-kes berkaitan seksual ini dikatakan semakin meningkat. Keadaan ini menimbulkan persoalan mengenai pengetahuan golongan muda mengenai seksualiti kerana golongan inilah yang sering terlibat sama ada sebagai mangsa ataupun pelaku. Kajian yang dilakukan oleh Azlin Hilma Hillaluddin, Yusmarhaini Yusof dan Chan Cheong Chong (2004) terhadap kanak-kanak sekolah rendah Tahun 4 – 6 (10 – 12 tahun) misalnya mendapati pengetahuan mereka dalam penderaan seksual adalah rendah. Pengetahuan mereka ini adalah setara dengan pengetahuan kanak-kanak Gred 1 (6 -7 tahun) Kanada (Tutty, 1997). Keadaan ini dipercayai berpunca daripada kurangnya pengetahuan terhadap isu keselamatan dan pertumbuhan seksual dalam kalangan kanak-kanak sekolah rendah. Kurangnya pengetahuan ini mungkin juga disebabkan isu ini yang dianggap taboo, lantas tidak dibincangkan atau diberi pendedahan. Oleh itu, penerokaan lebih lanjut mengenai pengetahuan seksualiti dalam kalangan golongan remaja dan awal dewasa perlu dilakukan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan seksualiti mereka. Kajian ini diharap dapat membantu memahami tahap pengetahuan seksualiti golongan muda, seterusnya membuka jalan kepada usaha untuk mengurangkan risiko gejala sosial.

Berasaskan kepada kajian-kajian lepas dan isu semasa yang sedang hangat diperkatakan dalam media massa di Malaysia, maka, kajian yang meneroka pengetahuan seksualiti

dalam kalangan pelajar-pelajar dirasakan penting. Untuk tujuan itu, beberapa persoalan kajian dikemukakan:

1. Apakah tahap pengetahuan pelajar terhadap perkembangan seksualiti?
2. Adakah faktor-faktor demografi dapat menentukan tahap pengetahuan pelajar?
3. Adakah pendidikan mengenai seksualiti perlu dalam kalangan pelajar?

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Mengkaji tahap pengetahuan dan sikap pelajar tentang aspek seksualiti
- b. Mengenalpasti keterkaitan tahap pengetahuan seksualiti dengan aspek demografi yang terpilih
- c. Mengenalpasti keperluan pendidikan mengenai seksualiti.

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk meneroka pengetahuan pelajar tentang perkembangan seksualiti kerana kekurangan pengetahuan ini boleh meningkatkan risiko untuk terjerumus dalam masalah seksual yang boleh membawa kepada kehamilan luar nikah, seks bebas dan pembuangan bayi.

Selain itu, dapatan kajian ini boleh menjadi maklumat untuk dijadikan garis panduan kepada pihak-pihak yang terlibat seperti LPPKN, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kesihatan (Unit pendidikan), Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam merangka program-program pendidikan seksualiti dan program-program pencelahan serta pencegahan masalah sosial dalam kalangan pelajar.

1.4 Konsep Seksualiti

Isu-isu dalam perkembangan seksual merupakan salah satu rencah masalah dalam kehidupan para pelajar remaja. Perkembangan seksual ini boleh melibatkan aspek-aspek biologi, sosial dan psikologi remaja. Perkembangan fizikal atau biologi kanak-kanak dan remaja, seksual dan fisiologinya, membuatkan beberapa isu psikologi timbul seperti emosi, stress, bimbang, malu, dan sebagainya. Keadaan ini tentunya menjejaskan aspek sosialnya sehingga jika kurang pengetahuan boleh membawa kepada tingkah laku yang tidak disenangi masyarakat. Kini, perkataan seks selalu dikaitkan dengan hubungan seks (atau persetubuhan), perasaan, keinginan dan lain-lain tingkah laku seksual manusia dan perkara-perkara yang mempunyai kaitan dengannya. Perkataan seksualiti yang merupakan kata terbitan daripada perkataan seks juga sering merujuk kepada perkara-perkara berkaitan seks seperti perbezaan seksual dan aktiviti seksual. Ia juga merupakan satu ekspresi kelakian atau kewanitaan yang merangkumi aspek-aspek seperti perasaan, pemikiran, sikap, kepercayaan, nilai dan tingkah laku (Amir Hasan Dawi, 2009).

1.4.1 Pendidikan Seks

Isu-isu moral dan seks yang melanda remaja perlu ditangani. Nilai-nilai ketimuran mahupun keagamaan nampaknya gagal melindungi golongan remaja terutamanya daripada terlibat dalam aktiviti seks bebas. Orang ramai, pakar-pakar yang berikut, badan-badan bukan kerajaan, dan agensi-agensi yang berkaitan cuba mengenal pasti punca-punca sebenar kepada masalah sosial remaja di Malaysia. Kajian tentang seksualiti dalam kalangan remaja perlu diberi perhatian kerana perbuatan yang salah boleh membawa akibat buruk kepada generasi masa hadapan. Jika tidak ditangani dengan bijaknya tamadun budaya boleh lenyap begitu sahaja. Beberapa punca dikenalpasti oleh beberapa golongan masyarakat. Antaranya termasuklah:

- Golongan fundamentalis agama menuduh dasar-dasar pemerintah yang sekular bertanggungjawab atas segala punca masalah seksual.
- Pendukung tradisi konflik mempersalahkan sistem kapitalis yang didakwa sentiasa bermotifkan keuntungan yang menjadikan seks sebagai salah satu sumber yang boleh dieksploitasi untuk pasaran.
- Sesetengah pihak melihat keruntuhan nilai keluarga berpunca daripada penekanan yang berlebihan sehingga membawa kepada keruntuhan moral remaja.
- Persepsi orang ramai juga menyalahkan media massa sebagai punca masalah sosial dalam kalangan remaja.

Walau bagaimanapun, semua pihak perlu mempunyai peranan masing-masing dalam menangani isu sosial remaja ini. Sekalipun, ramai orang menyandarkan sekolah supaya menjadi organisasi paling sesuai untuk memperbaiki masalah golongan remaja ini. Mungkin juga ada logiknya, sekolah diberi kepercayaan utama menangani isu ini kerana ramai remaja biasanya akan berada di sekolah.

Justeru, pendidikan seks telah dicadangkan menjadi satu mata pelajaran khusus. Bagi pihak-pihak tertentu, pendidikan merupakan kaedah yang dirasakan paling berkesan menangani gejala sosial dalam kalangan pelajar sekolah. Tambahan pula salah satu tujuan dasar pendidikan ialah untuk membentuk rakyat Malaysia baru yang lebih liberal dan berfikiran terbuka. Namun, cadangan untuk mewujudkan pendidikan seks di sekolah selalu menjadi topik panas, diperdebatkan dan dikritik hebat oleh awam. Ada antara mereka yang menolak bulat-bulat pendidikan seks sebagai cara mengatasi masalah. Secara keseluruhannya, sehingga kini masih ada pihak yang menentang pengenalan

pendidikan seks di sekolah. Akibatnya pendidikan seks tidak dipandang serius oleh banyak pihak termasuklah mereka yang terlibat dalam dunia pendidikan. Dalam konteks pihak berkuasa, pendidikan seks telah diberikan satu jenama yang lain iaitu program pendidikan reproduktif kesihatan dan sosial bagi menangani pelbagai isu berkaitan seksualiti.

1.5 Skop Kajian dan Limitasi Kajian

Tumpuan utama kajian ini ialah kepada para pelajar sekolah menengah dan universiti. Untuk tujuan pengumpulan data, sebanyak dua institusi di sekitar Daerah Kubang Pasu Negeri Kedah telah dikenal pasti sebagai lokasi tumpuan kajian. Institusi terpilih adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Changlun dan Universiti Utara Malaysia, Sintok. Berdasarkan perbincangan dan pembentangan kertas cadangan awal penyelidikan, jumlah responden yang telah dikenal pasti beserta pecahannya adalah seperti Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Populasi Responden Kajian

	Populasi
Sekolah Menengah	880
Universiti Utara Malaysia	450
Jumlah	1330

Dalam konteks ini, dapatan kajian tidak dapat digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi memandangkan ianya hanya dilaksanakan di dua institusi pendidikan di bahagian utara Malaysia. Namun demikian, hasil kajian ini amat penting sebagai asas dalam meneliti sebahagian besar daripada isu-isu yang berkaitan dengan seksualiti atau kesihatan reproduktif terutamanya kepada pihak golongan sasaran iaitu pelajar.

1.5.1 Kekangan Kajian

- a. **Kebolehcapaian matlamat mendapatkan jumlah responden yang telah disasarkan.** Menurut perbincangan awal dengan pihak sekolah, seramai 880 responden dari pelbagai kategori (lihat Jadual 1.1) telah dikenal pasti untuk diedarkan borang soal selidik. Walau bagaimanapun setelah membuat tinjauan awal, matlamat tersebut mungkin sukar dicapai dalam tempoh waktu yang ditetapkan. Ini adalah kerana taburan responden yang tidak seragam, terutamanya dari kategori pelbagai tahap pendidikan dan latar belakang demografi yang akan menyukarkan proses pengedaran borang soal selidik. Limitasi bilangan penyelidik juga boleh menghadkan kelancaran kajian ini kerana terdapat para pelajar yang tidak dapat memahami borang soal selidik yang diedarkan. Responden dari kategori kelas-kelas yang lemah pelajarnya misalnya, mengalami masalah membaca dan memahami item soal selidik.
- b. **Kelewatan persetujuan Institusi Berkaitan.** Kelewatan ini menyumbang kepada masalah ini. Surat permohonan yang diterima oleh institusi tersebut biasanya akan melalui beberapa proses penapisan sebelum sampai ke pihak yang bertanggungjawab. Kajian ini juga tidak mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengedar soal selidik dalam kalangan pelajar-pelajar Matrikulasi. Kekangan birokrasi ini sedikit sebanyak menjejaskan perancangan yang telah dilakukan dalam proses pengutipan data. Lanjutan dari itu usaha untuk mengedar borang soal selidik kepada kumpulan sasaran menjadi sukar dan memakan masa.
- c. **Maklumat tidak lengkap.** Terdapat maklumat yang diperolehi dari para responden tidak lengkap mungkin kerana tidak tahu membaca, tidak memahami soal selidik yang diedarkan atau tidak berpengetahuan untuk menjawab semua

item walaupun penyelidik dan ahli kumpulannya ada bersama-sama para pelajar ketika soal selidik tersebut diisi oleh para responden.

BAB 2: ULASAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Hasil tinjauan ke atas sumber-sumber bertulis mendapati terdapat banyak kajian mengenai seksualiti dalam kalangan pelajar. Perbincangan bab ini akan menyentuh aspek-aspek yang dibincangkan dalam kajian tersebut seperti pengetahuan tentang seksualiti, sumber-sumber pengetahuan seksual, pengalaman berkaitan seksualiti dan sikap terhadap seksualiti.

2.1 Pengetahuan Berkaitan Seksualiti

Menurut laporan daripada *United Nations Population Fund* (UNFPA) (2000), kehamilan boleh berlaku dalam kalangan remaja kerana beberapa alasan. Antara alasan itu termasuklah kurangnya pengetahuan dalam anatomi dan kefungsi sistem fisiologi pembiakan dan kaedah pencegahan kehamilan dan penyakit kelamin (*sexually transmitted diseases – STD*). Selain aspek biologi, kehamilan yang tidak dirancang ini juga dipengaruhi oleh faktor psikososial seperti kurang berdisiplin, manifestasi cinta membuta tuli dan kepercayaan, pengaruh persekitaran dan sebagainya. Dalam aspek gender, lelaki dan perempuan menerima impak yang berbeza dan menunjukkan perbezaan pandangan yang amat ketara. Selalunya, lelaki lebih tidak bertanggungjawab atau ambil mudah terhadap akibat daripada perbuatan mereka. Namun, bagi perempuan pula, mereka akan menerima akibat negatif daripada perbuatan mereka seperti hamil, gangguan pendidikan, ketidaksetujuan ibu bapa dan hukuman (seperti dihalau daripada rumah), komplikasi pengguguran, dan kemiskinan pada masa hadapan kerana mereka terpaksa menanggung beban kewangan akibat kelahiran yang tidak dirancang. Walaupun remaja perempuan berharap bahawa kehamilan sebelum berkahwin boleh menyebabkan

perkahwinan, namun gadis itu sedar bahawa mereka tidak boleh terlalu memaksa pasangan mereka. Remaja lelaki biasanya akan menolak untuk bertanggungjawab atas kehamilan gadis tersebut dengan alasan mereka tidak mencintai gadis itu atau mereka tidak bersedia menghadapi tanggungjawab pernikahan (UNFPA, 2000).

Dengan menggunakan 2,460 pelajar sekolah menengah Amazigo, Silva, Kaufman & Obikeze (1997) meninjau aktiviti seksual dan pengetahuan para remaja tentang kontraseptif di dua buah negeri di tenggara Nigeria. Hasil kajian mendapati hanya 36% daripada responden iaitu kebanyakannya responden wanita, lebih tua dan belajar di bandar mengetahui dengan tepat mengenai waktu subur. Beberapa kaedah kutipan data digunakan iaitu melalui penggunaan soal selidik, temubual bersemuka, kumpulan fokus dan esei pelajar. Sebanyak 52% responden adalah pelajar wanita dan 42% adalah pelajar lelaki yang berumur di antara 10 hingga 25 tahun. Majoriti responden berumur di antara 15 hingga 17 tahun (80%).

Kajian yang dilakukan oleh Siti Nor, Wong Fui-Ping, Rozumah, Mariani, Rumaya & Mansor (2010) terhadap 860 remaja (berumur antara 13 hingga 18 tahun) yang masih bersekolah, menunjukkan tahap pengetahuan seksualiti mereka masih berada pada tahap yang rendah, walaupun mereka telah didedahkan kepada pengetahuan asas berkaitan perkembangan manusia termasuk seksualiti. Antara alasan yang diberikan adalah sukar untuk memahami apa yang telah diajar di sekolah, selain sudah tidak mengingati apa yang telah diajar semasa sesi pembelajaran di dalam kelas. Kajian ini telah dijalankan di tiga buah bandar iaitu Pulau Pinang, Lembah Kelang dan Johor Bharu. Hasil kajian ini juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pengetahuan seksualiti berdasarkan jantina. Namun, terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan tiga bangsa

utama iaitu Melayu, Cina dan India. Remaja Cina menunjukkan mereka mempunyai tahap pengetahuan tentang seksualiti yang lebih baik berbanding remaja Melayu dan India. Berdasarkan penemuan ini, kumpulan penyelidik ini mencadangkan supaya pihak yang menggubal kurikulum pendidikan seks di sekolah mengambil kira elemen kebudayaan dan adat sesuatu kaum kerana terdapat perspektif yang berbeza terhadap amalan dan pemahaman seksualiti. Selain itu, kajian juga mendapati responden yang lebih dewasa mempunyai pengetahuan seksualiti yang lebih baik. Alasan yang boleh diberikan ialah mereka mungkin mempunyai sumber yang lebih meluas dan tepat serta dipengaruhi oleh faktor interaksi dengan persekitaran (Siti Nor et. al, 2010). Individu yang berada di peringkat awal remaja kebiasaannya mempunyai sumber yang terhad seperti kawan-kawan dan internet, tetapi maklumat yang diperolehi tidak semestinya tepat (Eggleston, Jackson & Hardee, 1999).

Rekod menerusi kajian di Jabatan Kerja Sosial, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), mencatatkan bahawa terdapat beberapa faktor penglibatan remaja dalam aktiviti seks luar nikah ini. Antaranya ialah faktor tidak mengendahkan fungsi fisiologi badan dan sistem reproduktif sehingga tidak mengetahui akibat daripada aktiviti melakukan seks sehinggalah hamil. Selain itu, kebanyakan pelaku yang terlibat tinggal berasingan dan berada di luar kawalan keluarga kerana mendapat pekerjaan. Terdapat juga kes kehamilan berlaku kerana protes terhadap halangan yang diterima daripada keluarga untuk mengahwini lelaki pilihan (Abdul Ghani Nasir, 2010).

2.1.1 Pengetahuan Berkaitan Sistem Pembiakan

Chao, Lin, Ma, Ku, Tsai, & Shi (2010) mendapati tanpa pengetahuan seks yang betul, tingkah laku seksual yang tidak dilindungi adalah lebih cenderung untuk membawa

kepada penyebaran jangkitan HIV, peningkatan keguguran, melahirkan anak yang tidak diinginkan, atau perkahwinan terlalu awal serta perkahwinan yang tidak diinginkan. Seks sebelum kahwin memberi kesan yang besar terhadap golongan awal dewasa dalam kedua-dua aspek iaitu fizikal dan mental seperti kehamilan yang tidak dijangka, seks yang tidak selamat dan boleh membawa kepada kemudaratan. Walau bagaimanapun, kesan tersebut boleh dicegah dengan mengamalkan seks yang selamat dan yang dibenarkan. Pendidikan seks adalah penting dalam menyediakan maklumat yang tepat terutama kepada golongan remaja. Ini membolehkan mereka untuk membangunkan sikap yang sihat dan pemahaman mengenai seks, untuk membuat keputusan yang bijak sebelum melakukan hubungan seks, dan mempunyai kesedaran tentang kesan yang akan dihadapi akibat melakukan seks yang tidak selamat. Kajian Chao et. al (2010) juga menunjukkan kebanyakan ibu bapa Cina takut untuk berbincang tentang pendidikan seks bersama anak-anak mereka. Pendidikan seks harus bermula daripada ibu bapa sebelum anak-anak masuk ke alam dewasa.

Kajian Tung, Hu, Davis, Tung, & Lin (2008) menunjukkan di Taiwan, sebahagian besar kumpulan belia tidak menyedari tentang maklumat yang tepat berkaitan HIV terutama kaedah transmisi, sedangkan maklumat tersebut merupakan maklumat yang penting dan perlu diketahui sebagai salah satu usaha bagi mengatasi penularan wabak HIV/AIDS. Usaha untuk mencegah penularan HIV/AIDS perlu melibatkan keluarga, sistem pendidikan, media massa dan masyarakat secara umumnya. Walau bagaimanapun, kekurangan pengetahuan, nilai dan kemahiran akan memberi kesan kepada ketidakberkesanan program-program pencegahan HIV/AIDS. Manakala di China, golongan remaja dan belia merupakan golongan yang berisiko untuk terjebak dengan jangkitan HIV. Jumlah jangkitan baru bagi setiap tahun adalah melebihi 50% (Sheng &

Cao, 2008). Satu tinjauan yang dijalankan di Taiwan oleh Jabatan Kesihatan pada tahun 2000 menunjukkan bahawa 43% daripada remaja lelaki dan 25% remaja perempuan telah mempunyai pengalaman mengadakan hubungan seks sebelum kahwin. Hasil kajian tersebut menunjukkan peningkatan daripada 34% (lelaki) dan 13% (perempuan) sejak tahun 1995. Tinjauan juga menunjukkan purata umur bagi remaja mengadakan hubungan seks kali pertama ialah pada usia 16 tahun. Banyak kajian telah dilakukan menunjukkan sikap remaja terhadap seks adalah lebih terbuka dan mengadakan hubungan seks sebelum kahwin.

Chao et. al (2010) mendapati bahawa 59.3% remaja percaya bahawa aktiviti melancap adalah berbahaya. Dalam soalan-soalan yang berkaitan dengan hubungan seks selamat, jumlah jawapan yang betul diberikan oleh responden juga adalah rendah. Item mengenai jantina janin yang ditentukan oleh sperma, kadar jawapan yang betul adalah hanya 60.7%, dan kadar jawapan yang betul untuk pengetahuan yang lain yang berkaitan reproduksi adalah kurang daripada 70%. Kira-kira 29% daripada remaja yang mempercayai sperma yang dihasilkan oleh zakar, dan 27.4% daripada remaja tidak tahu bahawa wanita dalam kitaran selepas haid masih mempunyai keupayaan pembiakan. Tambahan pula, 32.4% daripada remaja berfikir bahawa sekiranya kitaran haid wanita tidak teratur, kebarangkalian untuk hamil adalah rendah. Justeru, mereka mendapati bahawa hanya 34% daripada responden remaja memilih untuk mengambil pil perancang setiap kali sebelum melakukan hubungan seks akibat daripada pengetahuan terhadap sistem pembiakan yang rendah.

2.1.2 Pengetahuan Berkaitan Kehamilan

Menurut laporan dari UNFPA (2000), kehamilan dalam kalangan remaja berlaku kerana

beberapa alasan berikut:

- Kurang pengetahuan tentang anatomi dan fisiologi sistem pembiakan dan proses konsepsi seperti bagaimana STD dan HIV / AIDS menular
- kurang pengetahuan dan akses terhadap kehamilan dan kaedah pencegahan bagi STD / HIV / AIDS
- kurang rasa kerentanan atau kecuaiian tanpa memperhatikan hasil dari perilaku seksual yang tidak bertanggungjawab
- mabuk dan dadah yang boleh mendorong kepada perilaku yang tidak bertanggung jawab
- kurang berdisiplin terhadap ibu bapa atau pemberontakan terhadap orang tua
- kurang pendidikan moral dan nilai di rumah dan di sekolah
- kurang berdisiplin dan kawalan diri
- gangguan seksual seperti dirogol
- subordinasi perempuan kepada keinginan lelaki sebagai manifestasi cinta dan kepercayaan
- pengaruh daripada media (contohnya; televisyen, pornografi)
- persepsi bahawa kehamilan boleh memaksa lelaki kepada perkahwinan

Kehamilan yang tidak dirancang akan menyebabkan peningkatan kes-kes pengguguran, pengabaian anak dan perkahwinan yang tidak diinginkan (Choe & Lin, 2001). Selain itu, kesan negatif lain yang mungkin dihadapi termasuk dalam aspek sosial, ekonomi dan kebajikan sosial bagi pasangan yang terlibat dengan seks di usia awal dan juga turut memberi kesan kepada anak-anak mereka (anak-anak yang dilahirkan hasil daripada kehamilan yang tidak dirancang). Sejak sedekad yang lalu, golongan muda dan remaja cenderung untuk terlibat dan mengadakan aktiviti seksual pada usia yang lebih muda

berbanding beberapa golongan dewasa pada zaman sebelumnya. Manakala Maticka-Tyndale (2009) mendapati golongan belia yang tinggal dalam keadaan kemiskinan, kawasan pedalaman dan yang terdiri daripada golongan orang asli mempunyai tahap kesihatan seksual yang tidak sihat.

2.1.3 Pengetahuan Berkaitan Alat Pencegah Kehamilan

Laporan oleh *United States Department of Health and Human Services* pada tahun 1999, menunjukkan hampir 50% remaja telah mempunyai pengalaman melakukan hubungan seks, 16% daripada jumlah tersebut menyatakan mempunyai sekurang-kurangnya empat atau lebih pasangan untuk melakukan hubungan seksual. Tinjauan juga menunjukkan hanya 58% daripada remaja yang aktif dalam hubungan seks menggunakan kondom ketika melakukan hubungan seks ketika kali terakhir melakukannya. Garis panduan yang dikeluarkan oleh *The Healthy People 2010* untuk meningkatkan status kesihatan komuniti melalui mengurangkan kadar kehamilan dalam kalangan remaja kurang daripada 50% menjelang dekad akan datang. Matlamat dan objektif perubahan dalam tingkah laku seksual remaja adalah untuk mengurangkan kadar penglibatan remaja dalam aktiviti seks yang tidak sihat. Tindakan itu juga mensasarkan supaya penglibatan remaja dalam aktiviti seksual dapat dikurangkan kepada 25% sebaliknya tindakan remaja menggunakan alat kontraseptif dalam aktiviti seksual mereka secara berkesan dan baik dapat ditingkatkan kepada 95%.

Pada masa sekarang, 64% remaja yang berusia antara 18 hingga 24 tahun telah menerima pendidikan berkaitan kesihatan reproduktif. Matlamat *The Healthy People 2010* mensasarkan 90% individu dalam kumpulan umur ini diberi pendidikan tentang penyakit-penyakit yang berjangkit melalui hubungan seksual (*sexually transmitted*

diseases - STD), seks selamat, kawalan kelahiran, dan kaedah berpantang yang betul. Usaha untuk mengurangkan insiden dan kadar kehamilan remaja melalui program pendidikan seksualiti telah mendapat sokongan daripada *The Centers for Disease Control* (Jemmott, Jemmott, & Fong, 1992; Kirby, Barth, Leland, & Fetro, 1991; St. Lawrence, Jefferson, Alleyne, O'Bannon III, & Shirley, 1995) yang memfokus kepada kaedah pertahanan diri, membuat keputusan dan penggunaan alat pencegah kehamilan (kontraseptif).

Menurut Didion & Gatzke (2004) terdapat beberapa aspek atau kesan negatif yang mungkin berlaku kepada pasangan atau ibu bapa daripada golongan remaja. Mereka membuat kajian simulasi pengalaman keibubapaan dengan menggunakan kaedah pengkomputeran yang boleh digunakan untuk melambatkan kehamilan dalam kalangan remaja. Simulasi ini boleh memberi peluang kepada remaja untuk membuat keputusan yang betul tentang tingkah laku seksual mereka. Mereka boleh memahami secara lebih realistik perubahan kehidupan yang akan dihadapi akibat daripada melakukan hubungan seks tidak selamat (*unprotected sex*). Remaja yang menganggap tanggungjawab ibu bapa pada usia muda sebagai sesuatu yang positif dan tiada apa-apa masalah yang mungkin dihadapi, akan lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam hubungan seks di usia muda dan melakukannya tanpa perlindungan (Unger, Molina, & Teran, 2000).

Kajian kualitatif oleh Nguyen, Liamputtong & Murphy (2006) telah menemubual 12 orang perempuan dan empat orang lelaki berkaitan pengetahuan mereka tentang kaedah kontraseptif dan penyakit-penyakit yang berpunca daripada hubungan seks tidak selamat. Golongan muda Vietnam ini didapati tidak banyak mengetahui maklumat tentang kaedah kontraseptif terutama penggunaan pil perancang atau pil pencegah kehamilan dan

kondom. Tahap pengetahuan mereka masih tidak mencukupi dan kurang tepat. Mereka lebih selesa menggunakan kondom daripada pil pencegah kehamilan kerana mengkhawatiri kesan sampingan dadah tersebut. Sumber maklumat yang diperolehi hanyalah berdasarkan khabar angin dan sumber-sumber yang kurang tepat. Keadaan ini menunjukkan wujud limitasi dalam usaha mendapatkan pendidikan seks yang betul.

2.1.4 Pengetahuan Berkaitan Penyakit Kelamin

Laporan yang dikeluarkan oleh UNAIDS/WHO pada tahun 2006 menunjukkan sehingga Disember 2006, terdapat sebanyak 70,559 kes jangkitan melalui hubungan seksual (*sexually transmitted infections* - STIs) di negara Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10,663 kes adalah AIDS manakala selebihnya adalah pelbagai penyakit STI yang lain. Salah satu punca peningkatan jumlah tersebut adalah disebabkan kekurangan ilmu pengetahuan khususnya dalam pencegahan jangkitan daripada terus merebak. Golongan muda juga didapati terlibat terutama dalam kes jangkitan yang baru. Satu kajian yang telah dilakukan oleh Anwar, Sulaiman, Ahmadi & M.Khan (2010) di Pulau Pinang, mendapati tahap pengetahuan pelajar sekolah berkaitan STIs berada pada tahap sederhana sekalipun aktif dalam melakukan hubungan seksual. Malah, 10.6% daripada jumlah 1139 orang responden, mendakwa tidak pernah langsung mendapat pendedahan dan pengetahuan tentang STIs. Justeru, mereka dipercayai mungkin tidak akan mengambil apa-apa langkah pencegahan daripada penyakit-penyakit berjangkit akibat aktiviti seksual. Sikap sedemikian boleh meningkatkan risiko mereka dijangkiti penyakit-penyakit kelamin. Keadaan sebegini menampakkan bahawa pendidikan kesihatan reproduktif sangat perlu dititikberatkan dalam golongan muda terutama para pelajar tidak mengira sama ada di peringkat sekolah atau institusi pengajian tinggi. Selain HIV/AIDS, Gonorea, Sifilis, Klamidia, dan Trikomoniasis, virus Papiloma

manusia (*human papilloma virus* - HPV) juga merupakan satu lagi jenis penyakit berbahaya yang berisiko dijangkiti mereka yang aktif dalam hubungan seks tidak selamat.

Pengetahuan yang mencukupi dan tepat boleh melindungi mereka ini daripada dijangkiti penyakit-penyakit tersebut. Menurut Sandfort & Pleasant (2009), golongan yang masih muda perlu diberikan pengetahuan yang mencukupi bagi mengelakkan mereka dijangkiti penyakit-penyakit tersebut. Walau bagaimanapun, maklumat yang asas berkaitan dengan HPV boleh membantu mereka untuk memahami dan dengan itu tidak akan terlalu memberikan stigma negatif terhadap penyakit tersebut. Berdasarkan perbezaan dari segi jantina, pelajar wanita didapati mempunyai pengetahuan yang lebih baik serta kurang tanggapan negatif terhadap penyakit tersebut berbanding pelajar lelaki.

Kajian yang dilakukan oleh Duyan & Duyan (2009) mendapati mereka yang berada di bawah perlindungan sosial mempunyai tahap pengetahuan berkaitan HIV/AIDS dan penyakit kelamin yang amat rendah. Walaupun begitu, tahap pengetahuan mereka yang berlainan jantina didapati tidak berbeza secara signifikan. Justeru, kajian ini mungkin dapat mengesahkan sama ada tumpuan pendidikan harus diberi secara sama rata atau sebaliknya. Hasil kajian menunjukkan umur dan tahap pengetahuan mempunyai korelasi yang positif dengan tahap pengetahuan berkaitan HIV/AIDS. Selain itu, golongan yang berasal daripada kawasan bandar didapati mempunyai tahap pengetahuan yang lebih baik berbanding dengan responden yang berasal dari kawasan pedalaman atau kampung. Data yang diperolehi menunjukkan 1/4 daripada responden wanita yang berasal dari kawasan pedalaman tidak mempunyai pendedahan dan kesedaran berkaitan AIDS. Senario ini berlaku disebabkan faktor kesukaran untuk mengakses sumber-sumber maklumat yang

diperlukan.

Tahap pengetahuan yang baik tentang penyakit-penyakit kelamin walau bagaimanapun masih belum dapat mengawal tingkah laku seksual yang berisiko. Jones & Haynes (2006) mendapati pelajar kolej dan universiti di United Kingdom masih terlibat secara aktif dalam aktiviti seksual yang berisiko walaupun mempunyai pengetahuan dan kesedaran yang tinggi berkaitan penyakit-penyakit kelamin. Justeru, kempen kesedaran yang dijalankan oleh pihak-pihak tertentu mungkin tidak akan mencapai objektif dan matlamat yang diharapkan. Hasil kajian oleh Wolfers, Zwart & Kok (2011) juga mempunyai penemuan yang hampir sama. Mereka mendapati responden yang berbeza latar belakang pendidikan, masih kurang menyedari kepentingan menjalankan ujian saringan, bersikap biasa dan meremehkan langkah-langkah yang perlu diambil. Kebanyakan responden ini telah mempunyai pengalaman mengadakan hubungan seksual tetapi mempunyai reaksi agak defensif apabila diajukan soalan-soalan berkaitan langkah pencegahan dan ujian saringan penyakit-penyakit kelamin.

2.2 Sumber Pengetahuan Seksual

Sumber rujukan dan maklumat isu-isu seksualiti boleh mengesani tahap pengetahuan serta sikap individu terhadap aktiviti seksual. Ayyoub Malek, Hamid Abbasi, Ali Naghi, Mahdi Bina & Ali Reza (2010); Amazigo, Silva, Kaufman, & Obikeze, (1997) mendapati tujuh sumber yang kerap digunakan oleh pelajar bagi mendapatkan maklumat seksual ialah 1) rakan sebaya 2) buku, majalah dan gambar, 3) audiovisual (CD, filem dan sebagainya), 4) sekolah, 5) pusat kaunseling, 6) keluarga (ibu bapa atau adik beradik) dan 7) ahli keluarga yang rapat.

Dengan itu, pendidikan seksual ini dicadangkan supaya diberikan kepada remaja dan pelajar daripada pelbagai aspek. Tindakan ini perlu disokong dan digalas bersama dengan pihak sekolah dan ibu bapa bagi mengelakkan berlakunya fenomena yang negatif. Dalam proses pendidikan ini sekolah dan institusi pengajian terutamanya perlu melaksanakannya mengikut tahap dan kemampuan pelajar daripada segi perkembangan kognitif, emosi dan sosial (Ayyoub Malek et. al, 2010). Sementara Duyan & Duyan (2009) pula mendapati dua sumber utama bagi mendapatkan maklumat berkaitan HIV/AIDS dan penyakit-penyakit kelamin yang lain adalah kakitangan perubatan (termasuk doktor dan jururawat) serta rakan sebaya.

Morris, Young & Jones (2000) pula mendapati keluarga dan rakan sebaya (kawan) memainkan peranan penting dalam menentukan dan mempengaruhi perlakuan seksual dalam kalangan pelajar sekolah. Pelajar yang mendapat bimbingan dan galakan ibu bapa atau ahli keluarga di rumah cenderung untuk menjaga kehormatan mereka dan mempunyai sikap yang agak konservatif terhadap aktiviti seksual. Mereka dengan sendirinya akan membuat keputusan untuk menjaga kehormatan diri (*virgin status*). Manakala pelajar yang mendapat maklumat dan galakan berkaitan seksualiti daripada rakan sebaya, mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk melakukan hubungan seks sebelum berkahwin. Justeru, pemilihan rakan sebaya penting bagi memastikan mereka tidak didorong untuk melakukan hubungan seks sebelum berkahwin, seks bebas serta tidak mengambil langkah pencegahan.

Laporan daripada UNFPA (2000) menunjukkan para remaja mendapatkan pengetahuan seksual mereka melalui pelbagai sumber seperti; poster, pamflet, komik, surat khabar (media cetak); radio dan televisyen; dan rakan sebaya. Namun, mereka menyatakan

bahawa mesej-mesej tersebut seharusnya bersifat umum terutama untuk mencegah kehamilan yang tidak diinginkan. Para remaja menyatakan bahawa gambaran tentang risiko pada perilaku, masalah kesihatan akibat daripada kehamilan, pengguguran dan penularan jangkitan seksual, akibat daripada perilaku seksual yang tidak bertanggungjawab, pencegahan dan pengurusan masalah kesihatan reproduktif remaja tidak diberikan dengan tepat dan jelas. Selain itu, cara mereka menyampaikan mesej-mesej itu adalah secara negatif, tidak menarik dan mengancamkan.

Meshcke, Bartholomae & Zentall (2000) mendapati statistik remaja yang terlibat dalam hubungan seksual tanpa perlindungan di Amerika Syarikat adalah lebih tinggi daripada negara-negara maju yang lain. Mengikut mereka lagi pelbagai program dijalankan sekalipun melibatkan intervensi ibu bapa masih tidak mampu mengekang masalah tersebut. Meshcke dan rakan-rakan (2000) turut juga mengulas kajian-kajian terdahulu tentang peranan ibu bapa dalam tingkah laku seksual remaja. Meshcke et. al (2000) merumuskan beberapa ciri-ciri keibubapaan boleh memberi kesan ke atas seksualiti remaja seperti komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak tentang pencegahan kehamilan sedikit sebanyak mampu melambatkan pengalaman seksualiti anak-anak dan mencegah mereka daripada melakukan hubungan seks tanpa perlindungan. Nilai-nilai yang diterapkan oleh ibu bapa terutamanya nilai-nilai agama juga memberi kesan positif terhadap pencegahan hubungan seksual anak-anak. Pemantauan dan kawalan ibu bapa, serta sokongan daripada ibu bapa juga penting dalam mengurangkan kadar aktiviti seksualiti anak-anak.

Faktor seperti tahap pendidikan dan status ekonomi ibu bapa yang lebih baik turut dikaitkan peningkatan penggunaan pencegahan kehamilan, pengurangan aktiviti seksual

dan remaja mengandungi. Berdasarkan kepada penilaian program-program berkaitan seksualiti dan kajian-kajian terdahulu, Meshcke dan rakan-rakan (2000) mengesyorkan beberapa cadangan bagi menambahbaikkan program pencegahan seksual tanpa perlindungan. Mengikut mereka pendidikan itu perlu diberikan kepada semua peringkat umur remaja; kaedah penyampaian maklumatnya dipelbagaikan. Selain itu, kajian perbandingan tentang intervensi yang digunakan dan kualiti penilaian semula program perlu dipertingkatkan. Model ekologi seperti interaksi kekeluargaan, kejiranan dan komuniti perlu digabungkan ke dalam sebarang program yang dijalankan. Program-program yang sedia perlu dibandingkan dengan negara-negara lain yang telah berjaya menangani isu seksualiti dalam kalangan remaja.

Aktiviti seks bebas dalam kalangan remaja di Malaysia secara keseluruhannya amat membimbangkan. Terdapat laporan yang menyatakan bahawa kejadian tersebut kebanyakannya berlaku dalam kawasan perumahan mereka sendiri dan perkara tersebut tidak disedari oleh ibu bapa pelaku. Keadaan ini jelas membimbangkan memandangkan remaja merupakan peneraju pimpinan negara masa hadapan. Ibu bapa merupakan pendidik yang utama dalam usaha untuk memastikan anak-anak remaja daripada terjebak dengan aktiviti tidak bermoral ini (Berita Harian, 2010; Deptula, Henry & Schoeny, 2010). Satu kajian yang telah dijalankan oleh Miller, Benson & Galbraith (2001) melaporkan bahawa kejadian kehamilan dalam kalangan remaja adalah sangat berkait rapat dengan faktor perhubungan bersama ibu bapa. Aktiviti anak-anak remaja yang berada di bawah pengetahuan dan kawalan ibu bapa membantu daripada mereka terjebak dengan aktiviti yang boleh menjurus kepada kejadian hamil luar nikah. Pegangan nilai yang dipegang oleh ibu bapa tersebut juga menyumbang kepada perkembangan anak-anak remaja dalam aktiviti persekitaran sosial yang sihat.

2.3 Pengalaman Berkaitan Seksualiti

Terdapat peningkatan kes-kes salahlaku yang melibatkan aktiviti seksual dalam kalangan golongan muda (McManus & Dhar, 2008). Aktiviti seksual yang melibatkan remaja dan pelajar khususnya bukan hanya terbatas di kawasan bandar sahaja tetapi melibatkan semua kawasan. Amazigo, Silva, Kaufman, & Obikeze (1997) mendapati 40% daripada responden mereka pernah melakukan hubungan seksual dengan pasangan, namun hanya 17% yang menggunakan kaedah kontraseptif. Tiada perbezaan yang nyata dalam aspek aktiviti seksual antara pelajar di luar bandar atau bandar, dan pelajar beragama Katolik atau Anglikan. Kajian mereka mendapati bahawa apabila umur responden semakin meningkat, maka aktiviti seksual semakin kerap. Lebih ramai responden wanita yang berumur antara 17 hingga 19 tahun melaporkan aktiviti seksual berbanding responden lelaki. Kajian Amazigo et. al (1997) juga mendapati responden mula melakukan hubungan seksual seawal 14 tahun terutamanya semasa cuti sekolah. Oleh itu, penyelidik-penyelidik mencadangkan bahawa pendidikan kesihatan reproduktif perlu diberi penekanan melalui kepelbagaian kaedah pengajaran seperti video dan drama. Ia bukan sahaja perlu melibatkan pelajar-pelajar sekolah malah perlu pembabitan ibu bapa, guru dan kaunselor.

Hasil kajian oleh Amazigo et. al (1997) tersebut mempunyai penemuan yang hampir sama dengan kajian yang telah dilakukan oleh Anwar, Sulaiman, Ahmadi & M.Khan (2010). Hasil kajian Anwar et. al (2010) juga mendapati 12.6% (daripada 1139 orang responden) mempunyai pengalaman mengadakan hubungan seks, manakala 38.2% menyatakan mereka mempunyai lebih daripada tiga orang pasangan seksual. Tujuh puluh lima persepuluh tujuh peratus responden telah melalui pengalaman pertama mengadakan hubungan seks ketika berusia antara 15 hingga 19 tahun. Berdasarkan situasi tersebut,

kumpulan penyelidik turut membuat beberapa cadangan seperti melakukan intervensi termasuk penguatkuasaan berkaitan STIs dan HIV/AIDS, menilai keadaan semasa berkaitan status pendidikan seks di sekolah, menjalankan kempen sama ada dalam bentuk ceramah umum dan seminar yang memfokuskan kepada program pencegahan penyakit-penyakit kelamin.

Kajian oleh Silver & Bauman (2006) pula mendapati secara puratanya kumpulan remaja yang tinggi pengalaman seksualnya adalah remaja lelaki yang berusia. Majoriti daripada kumpulan berpengalaman ini terdiri daripada remaja berkulit hitam, berbangsa latin atau berdarah campuran. Sementara kumpulan yang tidak berpengalaman adalah daripada kalangan remaja berkulit putih dan bangsa Asia. Hanya sebahagian kecil remaja yang berpengalaman didapati tinggal dalam keluarga dengan ibu dan bapa sendiri berbanding dengan remaja yang tidak berpengalaman. Kajian ini menunjukkan mereka yang mempunyai pengalaman seksual sering kali dikaitkan dengan indikator-indikator risiko lain. Ini selari dengan kajian O'Donnell, O'Donnel, & Stueve (2001) dan Blinn-Pike (1999).

Dari segi prestasi pelajaran, kumpulan yang berpengalaman seksual didapati menunjukkan potensi pelajaran yang tidak memberangsangkan berbanding dengan pelajar yang tiada pengalaman seksual. Kajian Silver & Bauman (2006) juga menunjukkan remaja berpengalaman seksual lebih berkecenderungan untuk pernah merokok, menagih arak, menggunakan dadah dalam tempoh enam bulan. Ini menyokong kajian terdahulu yang dilakukan di Jamaica oleh Eggleston, Jackson & Hardee (1999) yang menunjukkan peratusan atau bilangan pelajar lelaki yang pernah melakukan hubungan seks (64%) lebih tinggi berbanding pelajar perempuan (6%).

Perkembangan teknologi semasa membawa kepada kewujudan fenomena baru dalam kalangan pelajar iaitu hubungan seks secara maya. Kajian yang dilakukan oleh Randell & Byers (2003) menunjukkan wujudnya fenomena *phone sex* dan *computer sex* dalam kalangan pelajar. Kajian mereka melibatkan 164 pelajar Canadian University. Pelajar yang lebih dewasa serta kurang berpengalaman dalam aktiviti seksual didapati memahami aktiviti seks secara lebih meluas. Sebaliknya, pemahaman pelajar yang lebih muda tetapi mempunyai pengalaman seksual, didapati kurang memahami isu seksual dan pasangan seksnya. Penemuan ini menunjukkan keperluan kepada pengetahuan berkaitan isu seksualiti secara lebih tepat perlu didedahkan kepada pelajar bagi mengelakkan kesan negatif yang akan mereka hadapi seperti jangkitan HIV/AIDS dan STD. Senario yang ditunjukkan oleh responden kajian juga menunjukkan selain mempunyai pasangan seks secara fizikal, mereka juga merasa seronok apabila dapat melakukan hubungan seks walaupun secara maya atau khayalan melalui telefon dan komputer (Randell & Byers, 2003).

2.4 Sikap Terhadap Isu Seksualiti

Edmonson & Wish (1975) mendapati satu pertiga daripada golongan lelaki kurang upaya bertahap intelektual sederhana percaya bahawa melancap dan melakukan hubungan heteroseksual adalah salah. Sebahagian besar daripada mereka percaya bahawa homoseksualiti adalah salah. Dengan itu, majoriti responden yang terlibat dalam tinjauan ini dikatakan mempunyai sikap negatif terhadap tafsiran seksualiti. Timmers, Du Charme & Jacob (1981) sebaliknya mendapati responden lelaki atau wanita yang mengalami kecacatan ringan tetapi hidup dalam komuniti menampakkan perasaan dan sikap positif terhadap melancap (dilakukan sendiri), temujanji, hubungan heteroseksual seperti bercium dan berpelukan (tetapi mempunyai pakaian sebagai alas). Walau bagaimanapun,

majoriti responden (lelaki dan wanita) tetap mempunyai sikap yang negatif terhadap tingkah laku homoseksual malah mereka juga menolak hubungan kelamin sedemikian. Kajian ini juga mendapati kebanyakan responden tidak berminat atau sukar untuk membincangkan isu-isu seksualiti dengan orang lain secara terbuka. Masalah ini mungkin berpunca daripada sikap negatif terhadap isu-isu seksualiti yang telah diterapkan sejak kecil lagi oleh ibu bapa atau penjaga mereka (McCabe, 1999).

Morgan, Thorne, & Zurbriggen (2010) telah mengenal pasti bahawa komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak berkaitan isu-isu seksualiti dan hubungan intimasi mampu menyumbang kepada perkembangan seksual dan pilihan tingkah laku (berkaitan seksual) yang lebih baik. Maklumat dan saranan yang betul daripada ibu bapa dapat membantu golongan remaja membuat keputusan yang tepat dalam hal-hal berkaitan seks selamat, ketahanan seksual, kesihatan reproduktif (proses pembiakan), haid dan hubungan intimasi. Namun, saranan dan nasihat yang diberikan itu bergantung kepada jantina remaja yang menunjukkan *double standard* tentang isu-isu seksual masih wujud. Sebagai contoh, anak-anak lelaki lebih kerap diberikan mesej atau pesanan, termasuk maklumat mengenai eksplorasi seksual dan keseronokan yang akan dihadapi (Downie & Coates, 1999; Moore & Rosenthal, 1991). Manakala mesej untuk anak-anak remaja perempuan adalah lebih terhad, yang lebih menekankan isu-isu perlindungan dan kesan-kesan negatif daripada aktiviti seksual (Downie & Coates, 1999; O'Sullivan, Meyer-Bahlburg, & Watkins, 2001).

Tinjauan pengalaman pelajar-pelajar kolej di Amerika Syarikat menunjukkan, pada usia 14 tahun hingga kemasukan ke kolej, sebanyak 28% wanita dan 8% lelaki pernah dirogol (Caron & Carter, 1997). Dalam usaha memahami elemen-elemen yang menyumbang kepada rogol, pengkaji-pengkaji telah meneliti persepsi dan sikap mangsa rogol (Acock

& Ireland, 1983; Barnett & Feild, 1977; Weidner & Griffitt, 1983). Pengkaji-pengkaji seperti Hendrick, Hendrick, Slapion-Foote, & Foote, 1985 dan Margolin, Miller, & Moran, 1989 mendapati berbanding dengan lelaki, wanita dikatakan (a) kurang menerima mitos berkait dengan rogol (b) kurang melihat mangsa rogol sebagai penyebab kepada berlakunya kes rogol, dan (c) lebih cenderung untuk melahirkan pandangan negatif terhadap pelaku. Beberapa alasan dikemukakan untuk menjelaskan perbezaan ini, antaranya ialah identifikasi wanita yang sering menjadi mangsa rogol berasaskan kepada persamaan jantina (Barnett, Tetreault, Esper, & Bristow, 1986).

Kajian oleh Caron & Carter (1997) meneliti sikap 618 orang pelajar-pelajar kolej di Amerika Syarikat terhadap rogol dan orientasi peranan seks, tindak balas efektif terhadap seksualiti, dan sikap tentang keganasan terhadap wanita. Dapatan kajian menunjukkan lelaki lebih bertoleransi terhadap rogol, cenderung meletakkan kesalahan atau punca rogol ke atas mangsa, dan berpandangan negatif terhadap perogol berbanding wanita. Responden lelaki juga berpandangan aspek kelelakian dan kewanitaan merupakan peramal kepada sikap yang menyumbang kepada kecenderungan meletakkan kesalahan kepada mangsa rogol. Sikap positif terhadap seksualiti merupakan peramal kepada sikap tidak bertoleransi terhadap rogol dan peramal kepada persepsi wanita sebagai mangsa yang tidak bersalah dalam kes rogol. Sikap tentang pornografi tidak mempunyai kaitan dengan sikap terhadap rogol.

Pelajar lelaki didapati menerima sokongan sosial dan tekanan untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti seksual. Sebaliknya, pelajar perempuan yang melakukan hubungan seks atau mengandungi, akan digelar sebagai orang yang rendah moral. Norma-norma sosial

ini berkemungkinan besar mempengaruhi dapatan kajian yang berbeza di antara pelajar lelaki dan perempuan dalam aktiviti seksual.

Ahrold & Meston (2008) yang menjalankan kajian dalam kalangan 1415 pelajar kolej mendapati sikap terhadap seksualiti berbeza berdasarkan bangsa. Kumpulan pelajar Asians didapati mempunyai sikap yang lebih konservatif terhadap seksualiti berbanding dua bangsa lain. Perbezaan ini dikatakan dipengaruhi oleh pegangan agama atau kepercayaan dan percaya bahawa sikap terhadap seksualiti bukan perspektif yang mudah untuk diubah melalui integrasi budaya.

BAB 3: METOD KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan secara terperinci tentang metod dan proses kajian yang digunakan. Maklumat berkenaan rekabentuk kajian, populasi dan persampelan serta instrumen juga dijelaskan. Di samping itu, prosedur pengumpulan data, skala pemarkahan, analisis data, dan pertimbangan etika turut dihuraikan. Dapatan kajian rintis turut dilaporkan.

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan (*survey*) sebagai kaedah untuk mengumpul data utama.

3.2 Populasi dan Persampelan

Kajian dilakukan ke atas pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Changlun dan pelajar yang mengambil kursus-kursus Program Pengurusan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia. Populasi kajian terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan Satu, Tingkatan Dua, Tingkatan Empat dan Tingkatan Enam Atas Sekolah Menengah Changlun, Kedah. Seramai 414 pelajar telah dijadikan sampel dalam kajian ini berdasarkan kaedah tinjauan keratan rentas (*cross sectional survey*). Daripada 414 pelajar tersebut, seramai 132 orang ialah pelajar Tingkatan Satu, 133 orang pelajar Tingkatan Dua, 149 orang merupakan pelajar Tingkatan Empat dan 54 orang pelajar Tingkatan Enam Atas. Manakala seramai 238 orang pelajar Universiti Utara Malaysia dipilih sebagai sampel dalam kajian ini.

Jadual 3.1: Pecahan sampel mengikut tahap pendidikan

Bil	Tahap Pendidikan	Sampel		Tidak Dilaporkan	Jumlah
		Lelaki	Perempuan		
1	Tingkatan Satu	74	58	0	132
2	Tingkatan Dua	66	66	1	133
3	Tingkatan Empat	64	85	0	149
4	Tingkatan Enam Atas	19	35	0	54
5	Universiti	47	190	1	238
	JUMLAH	270	434	2	706

3.3 Instrumen Kajian

Borang soal selidik digunakan bagi mendapatkan data daripada sampel kajian. Borang soal selidik ini boleh dibahagikan kepada lima bahagian iaitu Bahagian A ialah tentang pengetahuan berkaitan reproduktif, Bahagian B mengenai sumber pengetahuan seksual, Bahagian C merangkumi pengalaman berkaitan reproduktif, Bahagian D berkaitan sikap terhadap seksualiti dan Bahagian E ialah mengenai demografi. Soalan-soalan dibentuk dan diubahsuai daripada kajian-kajian lepas (Ayyoub Malek, Hamid Abbasi, Ali Naghi, Mahdi Bina & Ali Reza, 2010; Amazigo, Silva, Kaufman, & Obikeze, 1997; Azlin Hilma Hillaluddin, Yusmarhaini Yusof & Chan, 2004; laporan UNFPA, 2000; Kirby, 1988, Kumpulan Bertindak dan Penyelidikan HIV/AIDS, USM, 2010; Raudah Abu Hassan, 2003). Soalan-soalan dalam soal selidik ini mengandungi soalan pelbagai-pilihan berskala Likert dan juga soalan terbuka bagi memperolehi data yang dikehendaki.

3.4 Prosedur

Borang soal selidik telah diedarkan di dalam kelas setelah memperolehi kelulusan daripada Jabatan Pelajaran Negeri Kedah dengan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan. Di samping itu, kebenaran juga diperolehi daripada pihak sekolah berkenaan serta mendapat persetujuan daripada responden. Seramai sepuluh orang pembantu penyelidik turut membantu mengedar soal selidik dan turut berada bersama penyelidik di dalam kelas sehingga soal selidik selesai dijawab. Item soal selidik adalah dalam Bahasa Malaysia bagi memudahkan responden menjawabnya secara bersendirian dan bebas. Pengedaran soal selidik telah dilakukan pada bulan Mei di sekolah tersebut. Sebelum soal selidik diedarkan, kenyataan dan maklumat dibaca dan diterangkan kepada pelajar bagi menjelaskan tujuan soal selidik dan kajian yang dijalankan. Bagi mendapatkan respons yang sewajarnya, pelajar diyakinkan tentang aspek kerahsiaan dan diberi ruang untuk bertanya apa jua soalan berkaitan soal selidik yang diedarkan.

Bagi peringkat universiti, pengedaran soal selidik dilakukan melalui kursus-kursus wajib program kerja sosial bagi setiap tahun pengajian. Soal selidik tersebut diedarkan oleh para pensyarah kursus-kursus tersebut di dewan-dewan kuliah. Pengedaran soal selidik telah dilakukan antara bulan Februari sehingga Mac 2011.

3.5 Skala Pemarkahan

Skala yang digunakan dalam kajian ini diadaptasi dari skala Likert 5-mata dan 3-mata. Kaedah pemarkahan dibuat mengikut skor item yang ditanda bagi item yang positif. Manakala bagi item yang negatif, kaedah pemarkahan terbalik digunakan. Jumlah skor bagi setiap bahagian diperolehi dengan menjumlahkan kesemua skor

item-item yang ditanda. Pemarkahan bagi bahagian A (tahap pengetahuan berkaitan seksualiti) dilakukan dengan menjumlahkan jawapan yang ditandakan oleh responden. Skor minimum yang diperolehi oleh responden adalah 32 (1 x 32 item) dan markah maksimum adalah 96 (33 x 32 item). Manakala pemarkahan bagi bahagian C (pengalaman berkaitan seksualiti) skor minimum ialah 16 (1 x 16 item) dan maksimum ialah 80 (5 x 16 item). Skor bagi bahagian D pula, (sikap terhadap isu seksualiti) ialah jumlah minimum 29 (1 x 29 item) dan markah maksimum 145 (5 x 29 item). Markah bagi keseluruhan bahagian yang diukur, skor-skor tersebut dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Pembahagian markah adalah seperti Jadual 3.2.

Jadual 3.2: Nilai Minimum dan Maksimum serta Pembahagian Markah

Tahap	Nilai Minimum	Nilai Maksimum	Pembahagian Markah		
			Rendah	Sederhana	Tinggi
Pengetahuan berkaitan seksualiti	32 (32 item x 1)	96 (32 item x 3)	32 – 53	54 – 75	76 – 96
Pengalaman berkaitan seksualiti	16 (16 item x 1)	80 (16 item x 5)	16 – 37	38 – 59	60 – 80
Sikap terhadap isu seksualiti	29 (29 item x 1)	145 (29 item x 5)	29 – 67	68 – 106	107 - 145

Jadual 3.3: Indikator bagi setiap faktor

Bil.	Faktor	Indikator
1	Pengetahuan tentang seksualiti	Semakin tinggi skor semakin tinggi tahap pengetahuan terhadap seksualiti
2	Pengalaman berkaitan seksualiti	Semakin tinggi skor semakin banyak pengalaman berkaitan seksualiti
3	Sikap terhadap seksualiti	Semakin tinggi skor semakin konservatif

3.6 Analisis Data

Data dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences, Version 17*). Ujian statistik deskriptif dan statistik inferensi dilakukan bagi menjawab objektif kajian ini. Statistik deskriptif ialah seperti bilangan dan peratusan serta min dan sisihan piawai. Ujian statistik inferensi seperti kolerasi Pearson's, ujian t dan ANOVA sehalu digunakan bagi mengkaji hubungan dan perbezaan di antara pembolehubah.

3.7 Pertimbangan Etika

Kelulusan melaksanakan kajian ini diperolehi dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) Universiti Utara Malaysia. Selain itu, kebenaran melaksanakan kajian ini juga diperolehi dari Jabatan Pelajaran Negeri Kedah, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Changlun Kedah. Semua responden juga telah diminta persetujuan untuk terlibat dalam kajian ini. Maklumat berkaitan profil responden diperolehi melalui pihak pengurusan sekolah dan juga pentadbiran UUM.

3.8 Kajian Rintis

Kajian rintis dilakukan bagi mengetahui pemahaman responden terhadap soalan-soalan yang diajukan kepada mereka. Ia juga bagi mendapatkan gambaran awal tentang pengetahuan seksualiti dalam kalangan pelajar sebelum kajian sebenar dijalankan. Manakala pra ujian (*pre test*) telah dilakukan bagi memastikan soalan-soalan yang berkait dengan pemboleh ubah kajian difahami oleh responden (Sabitha, 2006). Seramai 53 orang pelajar Kursus Kaedah Penyelidikan di Universiti Utara Malaysia telah dipilih sebagai sampel kajian. Kajian awal dan pra kajian yang telah

dilakukan mengambil masa selama satu minggu. Borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan data daripada responden.

Dapatan kajian rintis menunjukkan nilai alfa kebolehpercayaan bagi item-item Bahagian A (Pengetahuan berkaitan seksualiti) adalah sederhana, iaitu 0.69. Walau bagaimanapun, nilai alfa kebolehpercayaan bagi bahagian ini untuk data kajian sebenar telah meningkat kepada 0.92. Sementara itu, nilai alfa kebolehpercayaan bagi item-item Bahagian D (Sikap terhadap isu seksualiti) untuk kajian rintis ialah 0.53. Penambahbaikan telah dilakukan (i) dari segi arahan menjawab soalan bagi setiap bahagian (ii) Soalan 18, Bahagian D telah ditambah baik iaitu; ‘Adalah mustahil bagi seseorang lelaki dirogol’ ditukar kepada ‘Adalah mustahil bagi seseorang lelaki didera secara seksual’; (iii) struktur ayat dan gaya bahasa dipermudahkan untuk pemahaman responden; (iv) penambahan item-item berkaitan faktor demografi. Nilai alfa bagi Bahagian D untuk kajian sebenar meningkat kepada 0.61 seperti dalam Jadual 3.3.

Jadual 3.4: Nilai alfa bagi instrumen kajian

Tahap	Bil. Item	Kajian Rintis	Kajian Sebenar
Pengetahuan berkaitan seksualiti	32	0.69	0.92
Sikap terhadap isu seksualiti	29	0.53	0.61

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang hasil analisis kajian. Perbincangan dimulakan dengan maklumat demografi responden diikuti dengan perbincangan yang dibuat berasaskan kepada objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu:

- a. Mengkaji tahap pengetahuan dan sikap pelajar tentang aspek seksualiti
- b. Mengenalpasti keterkaitan tahap pengetahuan seksualiti dengan aspek demografi yang terpilih
- c. Mengenalpasti keperluan pendidikan mengenai seksualiti.

4.1 Profil Demografi Responden

Sejak kajian ini dimulakan pada Januari 2011, seramai 706 orang pelajar telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Jadual 4.1 menunjukkan profil demografi keseluruhan responden. Item umur menunjukkan seramai 263 orang (37.9%) berumur 14 tahun dan ke bawah. Mereka merupakan pelajar Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua Sekolah Menengah Changlun. Seramai 200 orang (28.8%) terdiri daripada responden yang berumur 15 hingga 19 tahun yang merupakan para pelajar Tingkatan Empat dan Tingkatan Enam Atas sekolah berkenaan. Selebihnya iaitu seramai 232 (33.2%) berumur 20 tahun ke atas. Secara ringkasnya, sebanyak 66.7% responden adalah dari Sekolah Menengah Changlun dan selebihnya 33.2% adalah siswa-siswi Universiti Utara Malaysia terlibat dalam kajian ini. Item jantina menunjukkan seramai 270 orang (38.4%) adalah lelaki dan 434 orang (61.6%) adalah responden perempuan. Item taraf perkahwinan menunjukkan hampir keseluruhannya masih bujang iaitu seramai 664 orang (98.8%). Hanya 10 orang (1.5%) dari responden dalam kajian ini

sudah berkahwin yang kesemuanya terdiri dari kalangan para mahasiswa UUM. Item tahap pendidikan menunjukkan responden terdiri daripada pelajar Tingkatan Satu seramai 132 orang (18.7%), Tingkatan Dua seramai 133 orang (18.8%), Tingkatan Empat seramai 149 orang (21.1%) dan Tingkatan Enam Atas seramai 54 orang (7.6%). Bagi mahasiswa universiti pula seramai 238 orang (33.7%) terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Item bangsa dan agama menunjukkan majoriti responden adalah dari keturunan Melayu iaitu seramai 648 orang (91.9%) peratus dan beragama Islam iaitu seramai 653 orang (92.6%).

Kajian ini cuba meneliti pengaruh persekitaran kehidupan pelajar terhadap pengetahuan seksualiti mereka. Item 7 menjelaskan dengan siapakah responden tinggal. Hasil soal selidik mendapati kebanyakan mereka tinggal dengan ibu bapa iaitu seramai 536 orang (76.5%). Sebab-sebab mengapa mereka tidak tinggal dengan ibu bapa mereka diterangkan dalam item 8. Majoritinya iaitu 163 orang (71.2%) memberi alasan kerana mereka tinggal di asrama. Seramai 31 orang (13.5%) mengatakan ibu bapa mereka bercerai manakala 22 orang (9.6%) kerana ibu atau bapa telah meninggal dunia. Hasil daripada kajian, item bilangan isi rumah menunjukkan lebih sedikit dari separuh responden yang dikaji tinggal dalam keluarga yang mempunyai bilangan isi rumah di antara 6 hingga 10 orang iaitu seramai 329 orang (50.8%). Ini diikuti kumpulan yang tinggal dalam keluarga yang bilangan isi rumahnya di antara 1 – 5 orang iaitu seramai 287 orang (44.3%). Item anak ke berapa menunjukkan seramai 157 orang responden (22.4%) merupakan anak pertama dalam keluarga. Ini diikuti kedudukan anak kedua seramai 150 orang (21.4%). Item 11 menunjukkan jumlah dan peratus responden berdasarkan mempunyai teman lelaki atau wanita di mana seramai 349 orang (50.1%) mengaku tidak mempunyai,

manakala seramai 270 orang (38.7%) mengaku mempunyai teman wanita atau lelaki. Bagi responden yang mempunyai teman wanita atau lelaki, mereka menyatakan tempoh masa berapa lama mereka mengenalinya. Majoritinya mengenali teman wanita atau lelaki mereka dalam tempoh 1 hingga 45 bulan iaitu seramai 228 orang (32.3%).

Jadual 4.1: Demografi keseluruhan responden

Item	Frekuensi	Peratus
1.Umur		
14 tahun dan ke bawah	263	37.2
15 hingga 19 tahun	200	28.3
20 hingga 29 tahun	231	32.7
30 tahun dan ke atas	1	0.1
Tidak dilaporkan	12	1.7
Jumlah	706	100.0
2.Jantina		
Lelaki	270	38.2
Perempuan	434	61.5
Tidak dilaporkan	2	0.3
Jumlah	706	100.0
3.Taraf perkahwinan		
Bujang	664	94.1
Berkahwin	10	1.4
Tidak dilaporkan	32	4.5
Jumlah	706	100.0
4.Tahap pendidikan		
Tingkatan Satu	132	18.7
Tingkatan Dua	133	18.8

Tingkatan Empat	149	21.1
Tingkatan Enam Atas	54	7.7
Universiti	238	33.7
Jumlah	706	100.0
5. Bangsa		
Melayu	648	91.8
Cina	29	4.1
India	13	1.8
Lain-lain	15	2.1
Tidak dilaporkan	1	0.1
Jumlah	706	100.0
6. Agama		
Islam	653	92.5
Kristian	10	1.4
Hindu	12	1.7
Buddha	29	4.1
Lain-lain	1	0.1
Tidak dilaporkan	1	0.1
Jumlah	706	100.0
7. Tinggal bersama siapa		
Ibu bapa	536	75.9
Ibu	44	6.2
Bapa	7	1.0
Datuk/nenek	8	1.1
Adik-beradik	8	1.1
Saudara mara	6	0.8
Kawan-kawan	70	9.9
Lain-lain	22	3.1
Tidak dilaporkan	5	0.7
Jumlah	706	100.0

8. Mengapa tidak tinggal bersama ibu bapa

Ibu bapa bercerai	31	4.4
Ibu/bapa meninggal	22	3.1
Kedua ibu bapa meninggal	10	1.4
Ditempatkan di rumah kebajikan	2	0.3
Di ambil sebagai anak angkat	1	0.1
Tinggal di asrama	163	23.1
Tidak dilaporkan	477	67.6
Jumlah	706	100.0

9. Bilangan isi rumah

1 hingga 5 orang	287	40.7
6 hingga 10 orang	329	46.6
11 hingga 15 orang	29	4.1
16 orang dan ke atas	2	0.3
Tidak dilaporkan	59	8.4
Jumlah	706	100.0

10. Anak ke berapa

Pertama	157	22.2
Kedua	150	21.2
Ketiga	119	16.9
Keempat	98	13.9
Kelima	56	7.9
Keenam dan ke atas	122	17.3
Tidak dilaporkan	4	0.6
Jumlah	706	100.0

11. Mempunyai teman wanita/lelaki atau tidak

Ya	270	38.2
Tidak	349	49.4

Sedang mengenali	78	11.0
Tidak dilaporkan	9	1.3
Jumlah	706	100.0
12. Jika ya, sudah berapa lama mengenali?		
1 hingga 45 bulan	228	32.3
46 hingga 90 bulan	53	7.5
91 hingga 135 bulan	2	0.3
135 hingga 180 bulan	2	0.3
Tidak dilaporkan	421	59.6
Jumlah	706	100.0

Jadual 4.2 menunjukkan demografi bapa, ibu, dan penjaga responden. Majoritinya bapa responden berumur dalam lingkungan 46 hingga 50 tahun iaitu seramai 136 orang (21.4%). Ini diikuti dengan umur antara 50 hingga 55 tahun iaitu seramai 132 orang (20.8%). Bapa responden majoritinya adalah berbangsa Melayu iaitu seramai 621 orang (91.6%) dan beragama Islam iaitu seramai 627 orang (92.5%). Majoriti tahap pendidikan bapa responden adalah berpendidikan sehingga peringkat SPM dengan 228 orang (36.1%), diikuti peringkat sekolah rendah di mana seramai 143 orang (22.6%) dan peringkat SRP seramai 96 orang (15.2%). Jadual 4.2 juga menunjukkan taburan dan peratus pendapatan bapa responden. Kajian mendapati majoriti (236 orang, 36.4%) adalah berpendapatan antara RM501 hingga RM1,000. Ia diikuti dengan pendapatan RM500 ke bawah seramai 132 orang (20.4%). Kajian juga melihat maklumat berkenaan ibu responden yang kebanyakannya berumur antara 46 hingga 50 tahun iaitu seramai 169 orang (25.1%). Ia diikuti dengan ibu yang berumur antara 41 hingga 45 tahun iaitu seramai 131 orang (20.6%). Hampir keseluruhan ibu responden berbangsa Melayu iaitu seramai 634 (91.1%) dan beragama Islam iaitu seramai 643 orang atau (92.5%). Bagi tahap pendidikan ibu responden kajian ini, 224

orang (34.3%) mempunyai pendidikan hingga ke tahap SPM, 164 orang (25.1%) mempunyai pendidikan sekolah rendah dan 109 orang (16.7%) hingga ke peringkat SRP. Hasil kajian mendapati lebih 45% atau 131 orang memperolehi pendapatan RM500 ke bawah, dan 73 orang (25.5%) memperolehi antara RM501 hingga RM1,000. Berdasarkan Jadual 4.2, terdapat 32 orang responden yang tinggal dengan penjaga. Paling ramai penjaga responden berumur antara 31 – 40 tahun dan 61 ke atas iaitu 8 orang setiap satu (25%). Seramai 34 orang (97.1%) penjaga responden berbangsa Melayu dan beragama Islam. Terdapat 7 orang (23.3%) penjaga yang mempunyai tahap pendidikan hingga ke peringkat diploma / ijazah, 6 orang (20%) Sekolah Pondok, dan 5 orang (16.7%) berkelulusan SPM. Kebanyakan penjaga responden memperolehi pendapatan antara RM501 – RM1000 iaitu seramai 12 orang (36.4%).

Jadual 4.2: Demografi bapa, ibu dan penjaga responden

Item	Bapa Frekuensi (Peratus)	Ibu Frekuensi (Peratus)	Penjaga Frekuensi (Peratus)
1.Umur			
30 tahun dan ke bawah	6 (0.8)	7 (1.0)	4 (0.6)
31 hingga 40 tahun	58 (8.2)	148 (21.0)	8 (1.1)
41 hingga 50 tahun	252 (35.7)	291 (41.2)	6 (0.8)
51 hingga 60 tahun	240 (34.0)	170 (24.1)	6 (0.8)
61 tahun dan ke atas	77 (10.9)	20 (2.8)	8 (1.1)
Tidak dilaporkan	73 (10.3)	70 (9.9)	674 (95.5)
Jumlah	706 (100.0)	706 (100.0)	706 (100.0)
2.Bangsa			
Melayu	621 (88.0)	634 (89.8)	34 (4.8)
Cina	30 (4.2)	27 (3.8)	1 (0.1)

India	12 (1.7)	13 (1.8)	0 (0.0)
Lain-lain	15 (2.1)	22 (3.1)	0 (0.0)
Tidak dilaporkan	28 (4.0)	10 (1.4)	671 (95.0)
Jumlah	706 (100.0)	706 (100.0)	706 (100.0)
3. Agama			
Islam	627 (88.8)	643 (91.1)	34 (4.8)
Kristian	8 (1.1)	8 (1.1)	0 (0.0)
Hindu	12 (1.7)	13 (1.8)	0 (0.0)
Buddha	29 (4.1)	30 (4.2)	1 (0.1)
Lain-lain	2 (0.3)	1 (0.1)	0 (0.0)
Tidak dilaporkan	28 (4.0)	11 (1.6)	671 (95.0)
Jumlah	706 (100.0)	706 (100.0)	706 (100.0)
4. Tahap pendidikan			
Tidak bersekolah	40 (5.7)	50 (7.1)	4 (0.6)
Sekolah pondok	20 (2.8)	12 (1.7)	6 (0.8)
Sekolah rendah	143 (20.3)	164 (23.2)	4 (0.6)
SRP	96 (13.6)	109 (15.4)	1 (0.1)
SPM	228 (32.3)	224 (31.7)	5 (0.7)
STPM	32 (4.5)	40 (5.7)	3 (0.4)
Diploma/ijazah	73 (10.3)	55 (7.8)	7 (1.0)
Tidak dilaporkan	74 (10.5)	52 (7.4)	676 (95.8)
Jumlah	706 (100.0)	706 (100.0)	706 (100.0)
5. Status perkahwinan			
Bujang	7 (1.0)	15 (2.1)	5 (0.7)
Berkahwin	637 (90.2)	638 (90.4)	28 (4.0)
Bercerai/berpisah	9 (1.3)	30 (4.2)	1 (0.1)
Bercerai (berkahwin lain)	14 (2.0)	8 (1.1)	0 (0.0)
Tidak dilaporkan	39 (5.5)	15 (2.1)	672 (95.2)
Jumlah	706 (100.0)	706 (100.0)	706 (100.0)

6.Pendapatan			
RM500 kebawah	132 (18.7)	131 (18.6)	6 (0.8)
RM501 – RM1000	236 (33.4)	73 (10.3)	12(1.7)
RM1001 – RM1500	112 (15.9)	19 (2.7)	4 (0.6)
RM1501 – RM2000	60 (8.5)	19 (2.7)	1 (0.1)
RM2001 – RM2500	47 (6.7)	22 (3.1)	2 (0.3)
RM2501 ke atas	61 (8.6)	22 (3.1)	8 (1.1)
Tidak dilaporkan	58 (8.2)	420 (59.5)	673(95.3)
Jumlah	706 (100.0)	706 (100.0)	706 (100.0)

4.2 Pengetahuan Berkaitan Seksualiti

Soalan di Bahagian A merupakan soalan berkaitan pengetahuan responden mengenai seksualiti. Soalan-soalan tersebut adalah berkaitan sistem pembiakan, kehamilan, alat pencegah kehamilan dan penyakit kelamin. Secara keseluruhannya, purata tahap pengetahuan responden berada di tahap sederhana iaitu 0.53 (SP = 0.22, Julat = 0 hingga 0.94) (1.00 adalah skor tertinggi yang boleh diperolehi oleh responden). Namun, purata tahap pengetahuan responden universiti adalah di tahap tinggi iaitu 0.71 (SP = 0.11, Julat = 0.38 hingga 0.94) berbanding pelajar Tingkatan Enam Atas 0.66 (SP = 0.12, Julat = 0.38 hingga 0.88) dan pelajar sekolah 0.41 (SP = 0.19, Julat = 0 hingga 0.88). Analisis juga dilakukan untuk mengenalpasti soalan-soalan yang kerap dijawab dengan tidak tepat oleh para responden. Jadual 4.3 menunjukkan soalan-soalan tersebut.

Jadual 4.3: Soalan-soalan yang kerap dijawab salah

Soalan	Frekuensi	Peratus
1. Ovari dihasilkan dalam uterus	567	80.3
2. Telur telah wujud sejak bayi perempuan dilahirkan	543	76.9

3. Kedua-dua ovari mesti berfungsi untuk membolehkan seseorang wanita mengandung	586	83.0
4. Pil pencegah kehamilan adalah paling popular digunakan oleh wanita untuk mencegah kehamilan	661	93.6
5. Penyakit kelamin boleh dicegah dengan membasuh alat kelamin	601	85.1

4.2.1 Skor Pengetahuan Seksualiti

Skor pengetahuan seksualiti telah dikategorikan kepada tiga kategori iaitu rendah (0 – 10), sederhana (11 – 21) dan tinggi (22 – 32). Analisis mendapati purata skor pengetahuan semua responden berada pada tahap sederhana ($m = 16.82$, Julat = 0 – 30). Jadual 4.4 menunjukkan skor responden mengikut kategori tahap pengetahuan.

Jadual 4.4: Pengetahuan seksualiti responden berdasarkan kategori tahap

Kategori	Frekuensi	Peratus
Rendah	137	19.4
Sederhana	349	49.4
Tinggi	220	31.2
Jumlah	706	100.0

Analisis juga dilakukan terhadap pengetahuan responden berdasarkan peringkat pengajian. Bagi peringkat sekolah, didapati purata skor pengetahuan responden sekolah berada pada tahap sederhana ($m = 12.96$, Julat = 0 - 28). Jadual 4.5 menunjukkan skor responden mengikut kategori tahap pengetahuan dan berdasarkan tingkatan.

Jadual 4.5: Pengetahuan seksualiti responden sekolah berdasarkan kategori tahap

Tingkatan	Kategori	Frekuensi	Peratus
Tingkatan Satu	Rendah	61	46.2
	Sederhana	68	51.5
	Tinggi	3	2.3
Tingkatan Dua	Rendah	63	47.4
	Sederhana	63	47.4
	Tinggi	7	5.3
Tingkatan Empat	Rendah	13	8.7
	Sederhana	114	76.5
	Tinggi	22	14.8

Bagi peringkat pra-universiti (Tingkatan Enam Atas), didapati purata skor pengetahuan responden berada pada tahap sederhana ($m = 21.0$, Julat = 12 - 28). Jadual 4.6 menunjukkan skor responden mengikut kategori tahap pengetahuan.

Jadual 4.6: Pengetahuan seksualiti responden pra-universiti berdasarkan kategori tahap

Kategori	Frekuensi	Peratus
Rendah	0	0.0
Sederhana	29	53.7
Tinggi	25	46.3
Jumlah	54	100.0

Bagi peringkat universiti pula, didapati purata skor pengetahuan responden berada pada tahap yang tinggi ($m = 22.58$, Julat = 12 - 30). Jadual 4.7 menunjukkan skor responden mengikut kategori tahap pengetahuan.


Jadual 4.7: Pengetahuan seksualiti responden universiti berdasarkan kategori tahap

Kategori	Frekuensi	Peratus
Rendah	0	0.0
Sederhana	75	31.5
Tinggi	163	68.5
Jumlah	238	100.0

4.3 Sumber Pengetahuan Seksual

Seramai 706 orang responden telah terlibat dalam kaji selidik ini. Daripada data sumber pengetahuan seksual yang telah dianalisis, majoriti responden mendapat maklumat seksual daripada kawan-kawan iaitu seramai 536 orang (75.9%). Sumber pengetahuan seksual yang kedua tertinggi ialah menerusi pembacaan dari majalah (470 orang, 66.6%) dan buku (463 orang, 65.6%). Sumber ketiga yang menjadi tumpuan para responden mendapatkan maklumat mengenai seksual ialah menerusi internet iaitu seramai 421 orang (59.6%).

Jika dilihat daripada kategori tahap pendidikan pula, para responden peringkat universiti secara keseluruhannya mendapat sumber pengetahuan seksual menerusi pembacaan buku iaitu seramai 216 orang (90.8%). Bagi responden pra-universiti pula secara keseluruhannya mendapat pengetahuan seksual menerusi pembacaan dari majalah iaitu seramai 46 orang (85.2%). Responden di peringkat sekolah pula kebanyakannya mendapat sumber pengetahuan mengenai seksl daripada kawan-kawan iaitu seramai 297 orang (71.7%).




Rajah 4.1: Sumber rujukan pengetahuan seksual

Seterusnya, seramai 499 orang responden (70.7%) bersetuju bahawa pendidikan reproduktif penting untuk diperkenalkan di sekolah. Manakala seramai 36 orang responden (5.1%) pula tidak menjawab soalan ini. Berdasarkan minat pula, seramai 447 orang responden menyatakan minat untuk mengikuti kelas pendidikan reproduktif di sekolah di mana ia mewakili sebanyak 63.3% daripada jumlah keseluruhan. Seramai 35 orang responden (5%) tidak menjawab untuk soalan ini.

Jika dibuat perbandingan berdasarkan jantina, terdapat beberapa sumber yang menunjukkan perbezaan antara pelajar lelaki dan wanita. Pelajar lelaki lebih cenderung menggunakan kawan-kawan, internet, CD/VCD serta pengalaman seksual sebagai bahan rujukan berkaitan pengetahuan seksual. Manakala pelajar perempuan lebih cenderung merujuk kepada bahan-bahan bacaan tertentu seperti majalah, buku dan suratkhobar serta sumber-sumber lain termasuk sekolah, guru dan kelas agama.

Perbezaan paling ketara bagi bagi sumber pengetahuan seksualiti antara pelajar lelaki dan perempuan adalah bagi CD/VCD iaitu pelajar lelaki sebanyak 0.51% manakala pelajar wanita hanya 0.19%. Walaupun bagi beberapa item pelajar perempuan dilihat lebih banyak menggunakan sumber tersebut bagi mendapatkan maklumat berkaitan seksualiti tetapi ia tidak menunjukkan perbezaan yang begitu ketara. Bagi sesetengah sumber seperti televisyen/wayang, kursus/kelas, saudara mara dan bapa menunjukkan jumlah peratusan yang hampir sama.




Rajah 4.2: Sumber rujukan pengetahuan seksual responden berdasarkan jantina


4.4 Pengalaman Berkaitan Seksualiti

Tinjauan juga dilakukan terhadap pengalaman para responden berkaitan seksual. Secara keseluruhannya, pengalaman yang paling tinggi ialah kekerapan keluar temujanji (*dating*) iaitu seramai 16 orang responden (2.3%), diikuti dengan menonton filem/ video lucah seramai 7 orang responden (1%) dan mempunyai kawan yang pernah melakukan hubungan seks iaitu seramai 6 orang (0.8%).

Hasil kajian juga mendapati bahawa secara keseluruhannya, sebanyak 93.2% (658 orang responden) bersetuju bahawa pegangan agama merupakan faktor utama yang boleh menghalang seseorang itu melakukan hubungan seks tanpa nikah. Faktor kesedaran sendiri pula merupakan faktor kedua tertinggi iaitu sebanyak 82.2% di mana ia melibatkan seramai 580 orang responden. Perasaan rendah diri pula merupakan faktor yang paling rendah berbanding kesemua faktor yang boleh menghalang daripada melakukan hubungan seks tanpa nikah iaitu seramai 153 orang responden (21.7%).



Rajah 4.3: Pengalaman berkaitan seksual yang pernah dilakukan oleh responden



Rajah 4.4: Pengalaman berkaitan seksual yang pernah dilakukan oleh responden berdasarkan jantina

Berdasarkan tinjauan yang telah dilakukan keatas 706 orang responden, didapati pelajar lelaki lebih banyak terlibat dalam aktiviti berkaitan pengalaman seksual yang berisiko. Dalam kebanyakan pengalaman seksual pelajar lelaki lebih mendahului pengalaman yang dimiliki oleh pelajar perempuan. Perbezaan paling ketara bagi aktiviti menonton filem/video lucah iaitu pelajar lelaki lebih ramai (0.59%) mempunyai pengalaman tersebut berbanding pelajar perempuan. Selain itu, bagi pengalaman melakukan onani/melancap juga pelajar lelaki (0.35%) telah melakukannya berbanding pelajar perempuan sebanyak 0.04%. selain daripada dua pengalaman tersebut, antara pengalaman lain yang lebih banyak dilakukan oleh pelajar lelaki seperti membaca bahan lucah dan berkhayal tentang seks. Beberapa

aktiviti yang didahului pelajar perempuan adalah kekerapan keluar temujanji (*dating*) dan mempunyai kawan yang pernah melakukan seks. Bagi pengalaman-pengalaman seksual yang lain seperti membeli kondom, bercium semasa temu janji dan berpegangan tangan/ membelai-belai tidak menunjukkan perbezaan yang ketara.

4.5 Sikap Terhadap Isu Seksualiti

Skor minimum yang diperolehi untuk sikap terhadap isu-isu seksualiti ialah 69 manakala skor maksimum ialah 126 dengan nilai min yang diperolehi ialah 101.7. Kajian mendapati kebanyakan responden mempunyai sikap konservatif pada tahap yang sederhana iaitu sebanyak 373 orang (52.8%) dan tinggi sebanyak 233 orang (33.0%) terhadap isu-isu seksualiti (Jadual 4.8). Hanya 51 orang responden (7.2%) mempunyai sikap terbuka tentang isu seksualiti.

Jadual 4.8: Sikap responden terhadap isu-isu seksualiti

Sikap	Frekuensi	Peratus
Rendah	51	7.2
Sederhana	373	52.8
Tinggi	233	33.0
Jumlah	657	100.0

Jika perbandingan dibuat berdasarkan jantina, secara keseluruhannya responden lelaki dan perempuan didapati memperlihatkan sikap konservatif pada tahap yang sederhana terhadap isu-isu seksualiti iaitu masing-masing sebanyak 160 orang (59.3%) dan 212 orang (48.8%). Responden perempuan didapati menunjukkan sikap konservatif yang lebih tinggi terhadap isu-isu seksualiti iaitu sebanyak 180 orang (41.5%) daripada responden lelaki iaitu sebanyak 53 orang (19.6%). (Rujuk Jadual 4.9)

Jadual 4.9: Sikap responden terhadap isu-isu seksualiti berdasarkan jantina

Sikap	Lelaki Frekuensi (%)	Perempuan Frekuensi (%)
Rendah	36 (13.3)	15 (3.5)
Sederhana	160 (59.3)	212 (48.8)
Tinggi	53 (19.6)	180 (41.5)
Tidak dilaporkan	21 (7.8)	27 (6.2)
Jumlah	270 (100.0)	434 (100.0)

Sebanyak 496 orang (70.3%) responden menyatakan sangat bersetuju bahawa agama melarang seks tanpa nikah, sementara 100 orang (14.2%) tidak bersetuju. Sebanyak 356 orang (50.4%) responden sangat bersetuju bahawa seks sebelum kahwin adalah salah dari segi moral berbanding 83 orang (11.8%) responden tidak bersetuju. Majoriti (n=432, 61.2%) bersetuju bahawa wanita harus menunggu sehingga berkahwin untuk melakukan hubungan seks. Seramai 266 orang (37.7%) responden sangat bersetuju bahawa ibu bapa perlu bertanggungjawab mengajar anak-anak tentang seks.

Jadual 4.10: Item-item sikap konservatif terhadap isu-isu seksualiti

	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak tahu	Setuju	Sangat setuju	Tidak dilaporkan	Jumlah
	Frekuensi (Peratus)	Frekuensi (Peratus)	Frekuensi (Peratus)	Frekuensi (Peratus)	Frekuensi (Peratus)	Frekuensi (Peratus)	
Pornografi perlu dimansuhkan	54 (7.6)	48 (6.8)	230 (32.6)	122 (17.3)	242 (34.3)	10 (1.4)	706
Seorang wanita perlu tunduk kepada kehendak seksual lelaki	392 (55.5)	163 (23.1)	98 (13.9)	30 (4.2)	22 (3.1)	1 (0.1)	706
Seks sebelum berkahwin adalah salah dari segi moral	83 (11.8)	28 (4.0)	75 (10.6)	161 (22.8)	356 (50.4)	3 (0.4)	706
Wanita harus tunggu sehingga berkahwin untuk melakukan hubungan seks	28 (4.0)	16 (2.3)	71 (10.1)	155 (22.0)	432 (61.2)	4 (0.6)	706
Pengguguran adalah pembunuhan	48 (6.8)	17 (2.4)	79 (11.2)	147 (20.8)	413 (58.5)	2 (0.3)	706
Remaja yang menonton bahan lucah cenderung untuk merogol pasangannya	61 (8.6)	58 (8.2)	205 (29.0)	222 (31.4)	158 (22.4)	2 (0.3)	706
Adalah salah wanita itu sendiri jika dia dirogol	274 (38.8)	174 (24.6)	174 (24.6)	44 (6.2)	34 (4.8)	6 (0.8)	706
Pengguguran adalah perbuatan jahat berbanding dengan melahirkan anak luar nikah	68 (9.6)	49 (6.9)	152 (21.5)	211 (29.9)	225 (31.9)	1 (0.1)	706
Remaja perlu digalakkan memelihara kesucian diri	26 (3.7)	9 (1.3)	71 (10.1)	107 (15.2)	493 (69.8)	0 (0.0)	706
Sebarang bentuk pornografi merendahkan kaum wanita	40 (5.7)	45 (6.4)	343 (48.6)	134 (19.0)	142 (20.1)	2 (0.3)	706
Ibu bapa tidak perlu bertanggungjawab mengajar anak-anak tentang seks	266 (37.7)	154 (21.8)	176 (24.9)	61 (8.6)	47 (6.7)	2 (0.3)	706
Adalah mustahil bagi seseorang lelaki menjadi mangsa penderaan seksual	107 (15.2)	177 (25.1)	257 (36.4)	109 (15.4)	56 (7.9)	0 (0.0)	706

Melakukan hubungan seks tanpa kerelaan adalah rogol	41 (5.8)	27 (3.8)	139 (19.7)	235 (33.3)	262 (37.1)	2 (0.3)	706
Melakukan hubungan seks tanpa nikah dengan orang yang belum mencapai umur 18 tahun adalah rogol	55 (7.8)	58 (8.2)	229 (32.4)	172 (24.4)	188 (26.6)	4 (0.6)	706
Agama melarang perlakuan seks tanpa nikah	21 (3.0)	4 (0.6)	83 (11.8)	100 (14.2)	496 (70.3)	2 (0.3)	706
Hanya saya yang boleh menyentuh/melihat organ sulit saya	33 (4.7)	21 (3.0)	150 (21.2)	180 (25.5)	321 (45.5)	1 (0.1)	706
Saya boleh menolak dan menjauhkan diri dari orang yang menyentuh saya dengan cara yang tidak disenangi	58 (8.2)	29 (4.1)	116 (16.4)	180 (25.5)	321 (45.5)	2 (0.3)	706
Dipeluk dan disentuh boleh menjadi perbuatan yang tidak baik	41 (5.8)	33 (4.7)	80 (11.3)	226 (32.0)	323 (45.8)	3 (0.4)	706
Kalau ada orang yang menyentuh diri saya dengan cara yang tidak disenangi, itu adalah salah saya	240 (34.0)	179 (25.4)	177 (25.1)	67 (9.5)	41 (5.8)	2 (0.3)	706

Jadual 4.11 pula menunjukkan item-item yang disenaraikan sebagai sikap terbuka terhadap isu-isu seksualiti. Sebanyak 420 (59.5%) responden menyatakan sangat tidak setuju untuk item *melakukan hubungan seks merupakan satu cara untuk membuktikan rasa cinta* sementara hanya 23 (3.3%) responden menyatakan sangat setuju. Bagi item *kadang-kadang ahli keluarga juga boleh menyentuh dengan cara yang tidak disenangi* pula, sebanyak 171 (24.2%) responden menyatakan sangat tidak setuju, dan tidak setuju sebanyak 97 (13.7%) responden tetapi hanya sebanyak 64 (9.1%) responden menyatakan sangat setuju dengan kenyataan tersebut.

Jadual 4.11: Item-item sikap terbuka terhadap isu-isu seksualiti

	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak tahu	Setuju	Sangat setuju	Tidak dilaporkan	Jumlah
	Frekuensi (Peratus)	Frekuensi (Peratus)	Frekuensi (Peratus)	Frekuensi (Peratus)	Frekuensi (Peratus)		
Pengguguran perlu dibenarkan untuk wanita hamil	392 (55.5)	163 (23.1)	99 (14.0)	29 (4.1)	22 (3.1)	1 (0.1)	706
Mangsa rogol atau sumbang mahram dibolehkan menggugurkan kandungan	238 (33.7)	140 (19.8)	241 (34.1)	57 (8.1)	28 (4.0)	2 (0.3)	706
Pendidikan seks diperlukan di sekolah	148 (21.0)	81 (11.5)	140 (19.8)	215 (30.5)	117 (16.6)	5 (0.7)	706
Seks di antara remaja adalah dibenarkan	512 (72.5)	92 (13.0)	62 (8.8)	16 (2.3)	18 (2.5)	6 (0.8)	706
Pendidikan seks bagi remaja perlu menitikberatkan anatomi (bahagian-bahagian dalam badan manusia)	21 (3.0)	25 (3.5)	270 (38.2)	185 (26.2)	204 (28.9)	1 (0.1)	706
Rogol hanya dilakukan oleh orang yang dikenali	291 (41.2)	155 (22.0)	215 (30.5)	32 (4.5)	13 (1.8)	0 (0.0)	706
Melakukan hubungan seks merupakan satu cara untuk membuktikan rasa cinta	420 (59.5)	93 (13.2)	136 (19.3)	30 (4.2)	23 (3.3)	4 (0.6)	706
Orang yang saya suka boleh memeluk saya	316 (44.8)	171 (24.2)	130 (18.4)	65 (9.2)	23 (3.3)	1 (0.1)	706
Saya akan memberitahu seseorang yang saya percaya jika ada orang yang menyentuh saya dengan cara yang tidak disenangi	35 (5.0)	38 (5.4)	152 (21.5)	240 (34.0)	238 (33.7)	3 (0.4)	706
Kadang-kadang ahli keluarga juga boleh menyentuh dengan cara yang tidak disenangi	171 (24.2)	97 (13.7)	209 (29.6)	162 (22.9)	64 (9.1)	3 (0.4)	706

Apabila ditanya apakah maklumat-maklumat yang ingin diketahui melalui pendidikan seks/reproduktif, seramai 108 responden mengemukakan aspek yang ingin mereka ketahui (Jadual 4.12). Sebanyak 27 (25.0%) responden ingin mendapatkan maklumat berkaitan dengan perhubungan seks, 18 (16.7%) responden ingin mengetahui tentang kaedah-kaedah untuk mencegah dari aktiviti seksual manakala 13 (12.0%) responden inginkan maklumat tentang aspek-aspek biologikal dan anatomi manusia. Sebanyak 20 (18.5%) responden yang disenaraikan dalam kategori lain-lain antaranya menyatakan ingin mendapatkan maklumat tentang pihak atau agensi yang boleh dirujuk sekiranya menghadapi masalah seksualiti atau rogol dan risiko yang dialami akibat tingkah laku seksualiti.

Jadual 4.12: Maklumat yang ingin diperolehi melalui pendidikan seks/reproduktif

Jenis maklumat	Frekuensi	Peratus
Perhubungan seks	27	25.0
Kaedah mencegah aktiviti seksual	18	16.7
Pengetahuan biologikal/anatomi	13	12.0
Faktor penyebab perlakuan seksual	11	10.2
Pengetahuan tentang anak	11	10.2
Penyakit kelamin	4	3.7
Tingkah laku seksual	4	3.7
Lain-lain	20	18.5
Jumlah	108	100.0

4.6 Analisis Korelasi Antara Faktor

Hasil analisis mendapati terhadap hubungan yang signifikan di antara pengetahuan responden tentang seksualiti dengan beberapa faktor terpilih (Jadual 4.13). Daripada analisis dapat dilihat bahawa faktor pengetahuan tentang seksualiti mempunyai

hubungan dengan faktor sikap terhadap seksualiti (.469, $p < .01$) iaitu semakin tinggi pengetahuan responden tentang seksualiti maka semakin konservatif sikap mereka terhadap seksualiti.

Pengetahuan tentang seksualiti juga mempunyai hubungan positif dengan umur responden (.710, $p < .01$). Ini bermakna semakin meningkat umur seseorang responden itu, semakin tinggi pengetahuan mereka tentang seksualiti. Pendapatan bapa juga dilihat mempunyai hubungan yang signifikan positif dengan pengetahuan seksualiti pelajar (.143, $p < .01$). Ini menunjukkan bahawa semakin tinggi pendapatan bapa, semakin baik pengetahuan responden tentang seksualiti.

Namun begitu, pendapatan ibu (-0.02, $p > .01$) dan pendapatan penjaga (-.156, $p > .01$) dilihat tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengetahuan responden tentang seksualiti.

Analisis kolerasi antara sikap responden terhadap seksualiti dan umur pula, mendapati terdapat perkaitan yang positif dan signifikan (.393, $p < .01$). Ini bermakna semakin meningkat umur responden, maka semakin konservatif sikap mereka terhadap seksualiti.

Jadual 4.13: Hubungan antara pengetahuan tentang seksualiti dengan setiap pembolehubah kajian

Pembolehubah	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
1- Pengetahuan tentang seksualiti	-	.469**	.710**	.143**	-0.02	-.156
2- Sikap terhadap seksualiti	-	-	.393**	.071	.098	-.100
3- Umur	-	-	-	.027	-.061	-.096

4- Pendapatan bapa	-	-	-	-	.625**	.405**
5- Pendapatan ibu	-	-	-	-	-	.559*
6- Pendapatan penjaga	-	-	-	-	-	-

** nilai signifikan pada aras 0.01

4.7 Analisis Ujian t (t-test)

Hasil analisis mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengetahuan berkaitan seksualiti berdasarkan jantina, $t(702) = -5.83$, $p < .01$ di mana min skor pengetahuan pelajar perempuan ($m = 18.0$, $sp = 6.5$) didapati lebih tinggi berbanding pengetahuan pelajar lelaki ($m = 14.9$, $sp = 7.0$).

Manakala, hasil analisis mendapati bahawa pengetahuan berkaitan reproduktif tidak berbeza berdasarkan status ibu bapa. Ini bermakna tahap pengetahuan tentang reproduktif adalah sama bagi mereka tanpa mengira sama ada mereka masih mempunyai ibu bapa, ibu bapanya telah bercerai atau meninggal dunia, $F_{(2, 703)} = 0.959$, $p > .05$.

Begitu juga dengan pengetahuan tentang reproduktif. Hasil analisis data menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengikut kedudukan responden dalam keluarga, $F_{(5, 696)} = 1.545$, $p > .05$.

Namun demikian, responden yang berbeza tahap pendidikan didapati berbeza dalam pengetahuan reproduktif, $F_{(4, 701)} = 226.216$, $p < .01$. Hasil analisis post-hoc Bonferroni mendapati, setiap tahap pendidikan menunjukkan peningkatan tahap pengetahuan yang signifikan ($p < .01$) berbanding tahap pendidikan yang lebih rendah daripadanya. Sebagai contoh, pelajar universiti mempunyai pengetahuan yang

lebih tinggi ($m = 22.58$, $sp = 3.40$) berbanding pelajar pra-universiti ($m = 21.00$, $sp = 3.82$), Tingkatan Empat ($m = 17.10$, $sp = 4.57$), Tingkatan Dua ($m = 10.85$, $sp = 5.69$) dan Tingkatan Satu ($m = 10.42$, $sp = 5.40$). Ini bermakna semakin meningkat umur mereka, maka semakin tinggi tahap pengetahuan mereka.

Analisis data dengan ANOVA sehala juga menunjukkan pengetahuan berkaitan reproduktif berbeza secara signifikan berdasarkan status hubungan sama ada mempunyai teman wanita/lelaki atau tiada $F_{(2, 694)} = 26.228$, $p < .01$. Hasil analisis post-hoc Bonferroni mendapati tahap pengetahuan responden yang mempunyai teman wanita/lelaki ($m = 18.73$, $sp = 6.36$) serta responden yang sedang dalam proses mengenali teman istimewa ($m = 18.77$, $sp = 5.35$) adalah lebih tinggi berbanding responden yang tidak mempunyai teman wanita/lelaki ($m = 15.10$, $sp = 7.09$). Namun begitu, tahap pengetahuan responden yang mempunyai teman wanita/lelaki adalah tidak berbeza daripada responden yang sedang mengenali teman istimewa. Ini bermakna mempunyai teman wanita/lelaki atau sedang mengenali seseorang akan meningkatkan pengetahuan mereka mengenai reproduktif. Ia secara tidak langsung menunjukkan bahawa pelajar lebih cenderung untuk mempunyai maklumat berkaitan reproduktif apabila mempunyai teman wanita/lelaki.

BAB 5: PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

5.0 Pengenalan

Kajian pengetahuan seksualiti dalam kalangan pelajar ini meneroka pengetahuan berkaitan sistem pembiakan, kehamilan, alat pencegah kehamilan, dan penyakit kelamin. Selain itu, kajian juga meneroka pengalaman pelajar remaja dan awal dewasa berkaitan seksualiti, sikap mereka terhadap isu seksualiti dan mengenal pasti keperluan pendidikan mengenai seksualiti. Walaupun kajian-kajian berkaitan seksualiti telah banyak dilaksanakan dalam kalangan remaja di seluruh dunia, namun penyelidikan berhubung isu ini masih berada di tahap yang rendah di negara-negara Asia terutamanya di Malaysia (Jones, 2011).

Banyak kejadian dan peristiwa yang membimbangkan dalam kalangan pelajar yang dikaitkan dengan isu seksualiti. Penglibatan pelajar dan risiko mereka dalam hal ini telah mendorong kajian ini dilaksanakan. Ia bertujuan mengenal pasti dengan lebih terperinci isu-isu yang timbul dalam merungkai topik yang masih dianggap sensitif dan taboo dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Hasil penyelidikan ini walaupun tidak boleh dilakukan generalisasi bagi keseluruhan pelajar sekolah dan universiti di Malaysia, namun masih boleh dipertimbangkan sebagai amat penting dalam memberi perkhidmatan kesihatan reproduktif dan juga aktiviti atau program pendidikan bagi pelajar di Malaysia. Ia juga boleh dijadikan maklumat awal dalam merangka program-program pencegahan dan pencelahan kepada jabatan-jabatan atau NGO yang terlibat dengan hal ehwal remaja. Program

pendidikan yang lebih berkesan juga boleh dirangka oleh pihak Kementerian Pelajaran.

5.1 Pengetahuan Berkaitan Seksualiti

Secara umumnya, pelajar kajian ini menunjukkan tahap pengetahuan yang sederhana tentang hal-hal seksualiti. Analisis yang dilakukan turut mendapati bahawa terdapat soalan-soalan yang kerap dijawab dengan tidak tepat oleh para responden. Dapatan kajian ini adalah selari dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Siti Nor et. al (2010); Anwar et. al (2010). Hanya satu daripada tujuh soalan dijawab dengan betul oleh sekurang-kurangnya separuh daripada responden. Contohnya, dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam Atas, hanya satu pertiga daripada pelajar perempuan tidak tahu bahawa mengandung boleh terjadi pada hubungan seksual pertama.

Analisis korelasi menunjukkan bahawa semakin meningkat usia responden maka semakin baik tahap pengetahuan seksualiti mereka. Begitu juga analisis ujian t yang mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan tentang pengetahuan berkaitan seksualiti berdasarkan jantina, di mana skor pengetahuan pelajar perempuan ($m = 18.0$, $sp = 6.5$) adalah lebih tinggi berbanding pengetahuan pelajar lelaki ($m = 14.9$, $sp = 7.0$). Dapatan ini selari dengan kajian terdahulu yang mendapati pengetahuan seksualiti berbeza mengikut jantina, dengan pelajar perempuan mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi daripada pelajar lelaki (laporan UNFPA, 2000; Amazigo, Silva, Kaufman & Obikeze, 1997).

Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian terdahulu (Siti Nor et. al, 2010). Mereka menunjukkan bahawa keadaan ini berlaku disebabkan oleh sumber maklumat dan

interaksi sosial yang meluas, dan pemahaman terhadap aspek seksualiti yang meningkat seiring dengan peningkatan umur.

Dalam kajian ini, walaupun kebanyakan pelajar memperolehi pengetahuan seksual daripada pelbagai sumber, ia dapat difahami bahawa mereka amat jarang sekali berbincang tentang seksualiti dengan keluarga mereka. Mengambil kira hasil dapatan, adalah dirumuskan bahawa golongan muda tidak melihat keluarga mereka sebagai sumber pengetahuan seksualiti dan tidak berkongsi topik-topik seksual dengan mereka.

5.2 Sumber Pengetahuan Seksual

Berdasarkan kajian ini, sumber pengetahuan seksual yang paling utama ialah daripada kawan-kawan, diikuti oleh pembacaan buku dan majalah, serta maklumat dari internet. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Ayoub Malek et. al (2010) dan Amazigo, Silva, Kaufman, & Obikeze, (1997) tetapi bertentangan dengan kajian Morris, Young & Jones (2000). Moris et. al (2000) mendapati keluarga memainkan peranan penting dalam mendapatkan sumber pengetahuan seksual. Kajian ini juga tidak selari dengan laporan dari UNFPA (2000) yang mendapati bahawa remaja mendapatkan pengetahuan seksual melalui pelbagai sumber media cetak dan media elektronik. Selain itu, kajian ini juga bertentangan dengan rumusan yang dibuat oleh Meshcke, Bartholomae & Zentall (2000) yang menekankan terdapat beberapa ciri keibubapaan yang memberi kesan terhadap seksualiti remaja. Mereka menyatakan bahawa komunikasi ibu bapa dengan anak mampu melambatkan pengalaman seksualiti dan mencegah berlakunya hubungan seks tanpa perlindungan. Oleh itu pemantauan dan kawalan ibu bapa mampu mengurangkan penglibatan anak-anak dalam aktiviti seksual. Namun begitu, topik seksualiti masih lagi dilihat sebagai satu

isu yang kurang selesa untuk dibincangkan oleh ibu bapa di Malaysia bersama anak-anak mereka. Sepertimana yang boleh dilihat, ramai ibu bapa tidak mengajar anak-anak mereka tentang seksualiti manakala media dan budaya popular membanjirkan manusia dengan gambaran seksualiti yang tidak realistik (Benokraitis, 2011).

Apa yang dapat dijelaskan berdasarkan hasil kajian ini ialah sumber yang sering dirujuk oleh golongan pelajar adalah sesuatu yang sering mereka dampingi dan terokai iaitu kawan-kawan dan internet. Kawan-kawan merupakan antara agen sosialisasi yang paling dominan bagi para remaja. Justeru, mereka lebih suka merujuk serta mempercayai apa-apa yang disampaikan oleh rakan sebaya. Selain itu, pendekatan dan cara penyampaian kawan-kawan lebih mudah diterima, menggunakan istilah semasa yang lebih mudah difahami serta tidak bercanggah dengan nilai yang mereka ada. Ibu bapa atau sumber-sumber yang lebih formal jarang digunakan kerana maklumat yang disampaikan mungkin lebih memfokuskan kepada pencegahan dan larangan sedangkan individu remaja atau awal dewasa lebih suka menerokai perkara-perkara baru yang dianggap menyeronokkan. Berdasarkan keadaan semasa, internet merupakan salah satu sumber yang sering diterokai oleh pelajar kerana mempunyai pelbagai jawapan dalam setiap apa-apa yang mereka cari selain mudah untuk dilayari tanpa mengira masa dan tempat. Walau bagaimanapun, berkemungkinan juga pelajar boleh menyalahgunakan kemudahan dan perkembangan teknologi dengan meneroka perkara-perkara negatif termasuk melayari laman lucah. Melalui laman sesawang tertentu mereka boleh didedahkan kepada pelbagai bahan yang tidak ditapis termasuk sumber dan kesahihannya, sebaliknya golongan remaja yang melayarinya menerimanya sebagai sumber yang sah. Justeru, keadaan tersebut menyebabkan maklumat yang diperolehi termasuk pengetahuan seksualiti yang diterima adalah

tidak tepat malah memberikan kesan buruk seperti peningkatan masalah sosial. Golongan pelajar seharusnya tahu untuk menilai sumber yang patut dijadikan sumber rujukan mereka.

Penemuan kajian ini juga menunjukkan terdapat perbezaan sumber pengetahuan berkaitan seksualiti yang digunapakai oleh para pelajar berdasarkan jantina. Pelajar lelaki lebih cenderung merujuk sumber-sumber yang tidak diketahui kesahihan atau ketepatan maklumat berkaitan seksualiti. Kawan-kawan, internet, CD/VCD serta pengalaman sendiri sering dijadikan sumber rujukan dalam kalangan pelajar lelaki. Berbeza dengan pelajar perempuan yang kebanyakannya merujuk bahan-bahan bacaan, guru dan kelas agama. Berdasarkan hasil kajian ini menunjukkan pelajar lelaki lebih bersikap terbuka, ghairah dan berani menerokai sesuatu isu baru bagi mereka tetapi tanpa meneliti sejauh mana kesahihan dan kebenaran maklumat tersebut. Senario ini didapati akan memberikan kesan buruk kerana maklumat yang salah akan menyebabkan para pelajar berkenaan berkemungkinan akan terlibat dengan gejala sosial yang lain seperti seks bebas, jangkitan penyakit kelamin, sumbang mahram dan sebagainya. Bagi pelajar yang tidak dapat membezakan maklumat yang diperolehi sama ada betul atau sebaliknya, mereka tidak akan menganggap apa yang mereka lakukan tidak menyalahi peraturan atau norma tetapi lebih kepada sikap ingin mencuba.

5.3 Pengalaman Berkaitan Seksualiti

Dari segi pengalaman berkaitan seksual, didapati bahawa pengalaman paling tinggi ialah kekerapan keluar temujanji (dating), menonton filem/video lucah dan mempunyai kawan yang pernah melakukan hubungan seks. Dapatan ini bertentangan

dengan kajian Anwar et. al (2010); Silver & Bauman (2006); O'Donnell, O'Donnel & Stueve (2001); Blinn-Pike (1999); Eggleston, Jackson & Hardee (1999) yang mendapati pengalaman paling utama ialah mengadakan hubungan seks.

Beberapa perlakuan berisiko seksual telah dikenal pasti dan perlu ditangani. Pengakuan dalam beberapa perlakuan seksual oleh para responden pelajar perlu diambil perhatian yang serius terutama dalam konteks pegangan agama Islam dan budaya Melayu. Penglibatan para remaja ini dalam tingkah laku-tingkah laku tersebut menggambarkan senario sekarang yang memerlukan usaha kolektif semua pihak untuk membendungnya. Walaupun tiada kajian yang menunjukkan faktor persekitaran boleh mendatangkan risiko kepada pengalaman berkaitan seksualiti, kemungkinan tekanan daripada rakan sebaya; kepentingan aktiviti seksual terhadap sifat maskulin; tuntutan seksual oleh lelaki bagi mendapatkan faedah material; keinginan wanita untuk memperolehi wang atau mendapatkan populariti; boleh mencetuskan aktiviti-aktiviti seksual dalam kalangan remaja.

Selain itu, kajian ini selari dengan penemuan oleh Silver & Bauman (2006) dan Eggleston et. al (1999) yang menunjukkan pelajar lelaki lebih cenderung dan aktif dalam pengalaman berkaitan seksualiti. Situasi ini menunjukkan pelajar lelaki lebih berani untuk mencuba pengalaman baru dan menyeronokkan bagi mereka berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada sumber tertentu serta perkongsian pengalaman kawan-kawan yang pernah mempunyai pengalaman seksualiti. Sikap berani dan agresif pelajar lelaki juga berkemungkinan disebabkan mereka tidak akan menerima kesan atau akibat terutama mengandung tanpa nikah walaupun pernah melakukan hubungan seks. Sedangkan, jika pelajar wanita terlibat dengan aktiviti

seksual terutamanya hubungan kelamin, mereka akan menghadapi kesan kehamilan yang tidak diinginkan. Kesan dalam aspek perubahan fisiologi tersebut sedikit sebanyak mempengaruhi keputusan pelajar wanita untuk lebih berhati-hati untuk mendapatkan pengalaman seksualiti. Walau bagaimanapun hasil kajian ini tidak selari dengan kajian Amigo et. al (1997) yang mendapati pelajar wanita lebih cenderung dan aktif dalam pengalaman berkaitan seksualiti. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh latar belakang budaya dan bangsa responden yang terlibat dalam kajian. Dalam kajian ini, walaupun responden terdiri daripada pelbagai bangsa (Melayu, Cina dan India) tetapi pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan serta melibatkan hubungan seks sebelum nikah tetap dianggap menyalahi peraturan dan tidak dapat diterima masyarakat.

5.4 Sikap Terhadap Isu Seksualiti

Para pelajar dalam kajian ini mempunyai sikap yang konservatif pada tahap yang sederhana terhadap isu-isu seksualiti. Pelajar perempuan didapati mempunyai sikap yang konservatif pada tahap yang sederhana dan tinggi terhadap isu-isu seksualiti jika dibandingkan dengan pelajar lelaki. Bilangan para pelajar yang bersikap terbuka terhadap isu-isu seksualiti ini adalah sangat rendah.

Kebanyakan responden menyetujui bahawa agama melarang perlakuan seks tanpa nikah dan seks sebelum kahwin adalah salah dari segi agama. Selain itu, kebanyakan responden juga bersetuju bahawa wanita harus menunggu sehingga berkahwin untuk melakukan hubungan seks. Dapatan ini kemungkinan dipengaruhi oleh jumlah responden yang sebahagian besarnya berbangsa Melayu dan beragama Islam. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai pengetahuan asas mengenai larangan melakukan aktiviti seks di luar perkahwinan.

Keputusan ini adalah selaras dengan dapatan kajian yang telah dilakukan oleh Edmonson dan Wish (1975). Kajian oleh Ahrold & Meston (2008) juga telah membuktikan bahawa pegangan agama atau kepercayaan bukan satu perspektif yang mudah untuk diubah walaupun melalui integrasi budaya.

Kajian mendapati ibu dan bapa kurang menjadi sumber rujukan kepada responden berbanding dengan kawan-kawan atau media massa untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan aktiviti seksualiti. Walau bagaimanapun, sebahagian besar responden berpandangan bahawa ibu bapa perlu terlibat dan bertanggungjawab dalam memaklumkan dan menyebarkan maklumat kepada anak-anak berkaitan dengan aktiviti seksualiti. Kecenderungan yang berlaku dalam keluarga untuk mendiamkan diri tentang isu-isu seksualiti perlu diperbaiki bagi membolehkan anak-anak tidak merasa takut atau malu mengemukakan soalan atau kebimbangan tentang aspek berkenaan seksualiti. Ini adalah selaras dengan pandangan Morgan, Thorne dan Zurbriggen (2010) yang menyatakan bahawa komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak berkaitan isu-isu seksualiti dan hubungan intimasi mampu menyumbang kepada perkembangan seksual dan pilihan tingkahlaku seksualiti. Kegagalan ibu bapa menyampaikan maklumat yang tepat boleh menyumbang kepada penglibatan anak-anak dalam aktiviti seks bebas.

Kebanyakan responden berpandangan bahawa bahan lucah boleh menjadi pendorong kepada tingkahlaku rogol dan penderaan seksual. Sehubungan dengan itu sebahagian besar dari mereka juga berpandangan pornografi perlu dimansuhkan. Walau bagaimanapun, kajian oleh Caron dan Carter (1997) mendapati sikap terhadap pornografi tidak mempunyai kaitan dengan sikap terhadap rogol.

5.5 Implikasi Dasar

Kebanyakan responden mendapatkan maklumat kesihatan reproduktif daripada media dan rakan taulan. Ini menunjukkan bahawa sumber-sumber yang sama sewajarnya digunakan untuk tujuan melaksanakan program-program. Dalam konteks media, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi boleh digunakan untuk menangani isu-isu tertentu seperti 'ketahui tubuh badan anda', HIV/AIDS, latihan ketegasan dan sebagainya. Melalui saluran ini, program yang dilaksanakan perlu mengikut kesesuaian kumpulan sasaran iaitu golongan pelajar dan remaja. Aktiviti yang menonjolkan kreativiti remaja antara pendekatan yang boleh digunakan bagi menarik minat penyertaan mereka dalam setiap program yang dianjurkan. Poster-poster atau papan-papan tanda yang berbentuk amaran atau larangan yang menonjolkan gambar atau lukisan tertentu mungkin dianggap pendekatan yang membosankan. Justeru, poster yang digunakan bagi tujuan pencegahan atau kempen berkaitan kesihatan reproduktif juga perlu menarik dan terkini.

Tahap komunikasi yang rendah antara ibu bapa dan anak-anak tentang kesihatan reproduktif juga perlu ditangani. Walaupun ibu bapa bukanlah merupakan sumber rujukan utama bagi mendapatkan maklumat tentang seksualiti, namun peranan mereka amat penting bagi membimbing dan memberi panduan dalam pencarian maklumat yang tepat berkaitan seksualiti.

Rentetan daripada perkara di atas, usaha-usaha yang lebih bersepadu antara ibu bapa, guru, sekolah, dan media massa juga wajar diperkasa bagi membetulkan salah tanggapan atau persepsi yang silap tentang seksualiti sepertimana yang dilaporkan dalam kajian ini. Melalui kajian ini, adalah penting untuk memperkasa pengetahuan

guru-guru dan ibu bapa tentang maklumat seksualiti yang tepat dan cara penyampaian yang berkesan amat perlu dilaksanakan. Cabaran yang boleh dilihat adalah menjana suasana atau situasi di mana pelajar mempunyai akses untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan seksualiti, perkhidmatan dan juga ruang untuk berkomunikasi dengan ibu bapa mereka tentang hal-hal kesihatan reproduktif.

Selain itu, pendidikan berkenaan pengetahuan seksualiti juga perlu diberi kepada golongan pelajar agar mereka mendapat maklumat yang tepat dan betul. Secara tidak langsung peranan rakan sebaya dapat dipertingkatkan sebagai medium untuk menyebarkan maklumat yang tepat berkaitan seksualiti. Sebagai contoh, peranan ini dapat diperjelaskan oleh Pembimbing Rakan Sebaya. Ini kerana dalam konteks kajian ini rakan sebaya merupakan sumber rujukan yang paling utama bagi mendapat maklumat tentang seksualiti.

Kurangnya maklumat yang tepat yang diperolehi oleh pelajar universiti pula akan memberikan implikasi penting kepada rawatan dan pencegahan memandangkan mereka ini bakal menjadi ibu bapa yang kemudian akan berdepan dengan pelbagai isu berkaitan isu seksualiti dan kesihatan reproduktif. Sehubungan dengan itu, intervensi yang lebih agresif seperti program-program reproduktif dan bengkel-bengkel keibubapaan amat diperlukan bagi memperlengkapkan pelajar-pelajar ini dengan pengetahuan yang secukupnya sebelum berkeluarga.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar mendapat maklumat berkaitan seksualiti dari internet, media, kawan-kawan, buku dan majalah. Berkemungkinan pelajar akan terkeliru atau mendapat maklumat yang salah daripada sumber-sumber

ini. Sehubungan dengan itu, pendidikan seksualiti mestilah menjadi strategi utama dalam program-program sekolah seperti Program Ketegasan Diri (*Assertiveness Programme*) dengan sumber-sumber yang mesra pengguna dan sentiasa mudah diperolehi kepada pelajar.

Dalam tahun 2009, kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melancarkan Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial. Fokus utama pendekatan holistik ini adalah untuk memberi pendedahan kepada semua golongan mengenai sistem reproduktif manusia dan sosial. Bagi mencapai hasrat ini, empat strategi telah ditetapkan iaitu advokasi, pembangunan modal insan, penyelidikan dan pembangunan serta pemantauan dan penilaian (Siaran Media LPPKN). Melalui usaha ini, asas kukuh pembentukan modal insan yang sihat, berakhlak dan saling menghormati diharap dapat dibangunkan dengan kepelbagaian agama, budaya serta nilai hidup masyarakat Malaysia sentiasa diambil kira.

Namun, masih ada sesetengah pihak yang tidak bersetuju pendidikan seksualiti dilaksanakan di sekolah. Kemungkinan mereka merasakan pendidikan ini tidak peka kepada kehendak budaya dan mempunyai material yang tidak jelas, malah pendedahan melalui pendidikan boleh menggalakkan pelajar untuk mencuba aktiviti seksual. Ini sekaligus menidakkan tujuan kempen kesihatan dan menyumbang kepada penularan pelbagai penyakit merbahaya.

Malangnya, ramai pelajar sekolah terdedah kepada seks dan pronografi menerusi pelbagai saluran televisyen, telefon bimbit, dan kafe internet. Menurut aktivis AIDS,

pendidikan seksualiti membantu pelajar berwaspada terhadap bahaya melakukan eksperimen dengan seks pada usia muda; menyedarkan mereka dan memberi peringatan tentang potensi pendedahan diri mereka kepada penyakit-penyakit yang boleh membawa maut (McManus & Dhar, 2008). Ramai ibu bapa yang agak ragu-ragu bercakap tentang seks dengan anak remaja mereka di rumah; malah ibu-ibu enggan bercakap dengan anak perempuan mereka tentang sesuatu hal yang semudah 'datang bulan'. Tambahan pula, ada golongan masyarakat yang tiada pengetahuan yang luas untuk membincangkan perihal seksualiti dengan selesa di perhimpunan awam atau di khalayak ramai. Pembuat dasar juga percaya bahawa ramai yang agak kritikal tentang tindakan untuk melaksanakan pendidikan seksualiti kepada anak muda. Lantaran itu, ramai yang akan menggunakan saluran politik yang diperolehi dengan mempromosi nilai-nilai tradisi (McManus & Dhar, 2008).

Pada hari ini, seksualiti dianggap salah satu elemen penting dalam kehidupan manusia di mana ia mengandungi dimensi fizikal, sosial, ekonomi, psikologikal dan juga budaya (Ozkan, Baser & Gun, 2008). Tingkahlaku golongan muda sudah banyak berubah seiringan dengan urbanisasi (Baser, 2000). Oleh itu, hasil penyelidikan ini dianggap signifikan kerana ia banyak memberi maklumat asas mengenai pengetahuan seksualiti pelajar-pelajar. Lantaran ia boleh digunakan untuk merangka program-program yang berkaitan sama ada untuk pendidikan, pencegahan ataupun pencelahan.

BAB 6: RUMUSAN DAN KESIMPULAN

6.0 Pengenalan

Keruntuhan nilai dan peningkatan masalah gejala sosial memberi cabaran serius kepada masyarakat seluruh dunia dan ini termasuklah di Malaysia. Setiap tahun semakin ramai golongan muda yang terjebak dengan isu-isu seperti kehamilan luar nikah, pembuangan bayi, seks bebas dan sebagainya. Pendidikan seksualiti yang disasarkan kepada golongan muda merupakan senjata yang kritikal dalam usaha pencegahan dan sekolah merupakan tempat yang penting dalam mendekati mereka.

Ringkasnya, walaupun terdapat bantahan dan penentangan daripada segolongan ahli masyarakat, terdapat keperluan yang besar untuk melaksanakan kurikulum pendidikan seksualiti yang bersesuaian dan sensitif dengan aspek gender dan budaya bagi menangani peningkatan golongan anak muda yang mudah terjerumus dalam isu-isu berkaitan seksualiti.

6.1 Rumusan kajian

Dapatan kajian ini merungkai beberapa maklumat penting atau mesej utama yang perlu dipertimbangkan dengan sewajarnya. Kajian ini yang bersifat kajian rentas menjejaki sekumpulan pelajar sekolah berjumlah 434 orang dari sebuah sekolah di utara Semenanjung Malaysia yang berhampiran dengan sempadan negara Thailand dan juga para pelajar universiti di sebuah institusi pengajian tinggi awam di sebelah utara Malaysia. Para responden menjawab soal selidik yang direka bentuk berdasarkan kajian-kajian lepas dan sorotan karya kontemporari bagi membolehkan

para penyelidik memperoleh maklumat kuantitatif tentang pengetahuan, sumber maklumat, pengalaman dan juga sikap terhadap seksualiti dan reproduktif kesihatan.

Data yang diperolehi dari tinjauan ini membenarkan para penyelidik mengetahui tahap pengetahuan, sumber-sumber maklumat yang diperolehi, pengalaman responden berkaitan seksualiti dan juga sikap mereka terhadap isu-isu reproduktif kesihatan. Pelajar mempunyai pengetahuan dan pendidikan pada tahap yang sederhana berkenaan seksualiti. Pelajar perempuan pula didapati mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi berbanding lelaki. Pelajar tidak membincangkan aspek seksualiti dengan keluarga mereka, sebaliknya beralih kepada rakan sebaya dan media massa bagi mencari maklumat tentang seksualiti. Justeru, ia boleh disimpulkan bahawa pelajar amat memerlukan pendidikan seksualiti.

6.2 Cadangan dan Penambahbaikan Program Pendidikan

Tahap pengetahuan yang sederhana tentang reproduktif kesihatan, dan digabungkan dengan penglibatan jumlah remaja dalam aktiviti berkaitan seksual mensyorkan bahawa program pendidikan kehidupan berkeluarga perlu diterapkan dalam kalangan kanak-kanak yang lebih muda, dan bukan apabila mereka mula akil baligh. Kanak-kanak remaja ini perlu diberitahu tentang risiko-risiko yang bakal ditanggung sekiranya terlibat dalam aktiviti seksual.

Program-program pendidikan kehidupan berkeluarga perlu mengenal pasti bahawa anak-anak remaja semakin banyak mempunyai pengetahuan berkenaan seksualiti apabila mereka semakin membesar dan memperoleh maklumat dari pelbagai sumber.

Sehubungan dengan itu, maklumat yang betul berkaitan seksualiti perlu didedahkan dari awal lagi supaya pemahaman mereka tentang seksualiti dapat dipertingkatkan.

1. Kaedah yang lebih inovatif dan interaktif dalam penyaluran maklumat.

Kaedah yang lebih inovatif dan interaktif mungkin amat diperlukan bagi mendekati kanak-kanak dan remaja terutamanya dalam menyalurkan maklumat berkaitan reproduktif kesihatan dan bagi mengelak mereka daripada mempunyai salah tanggapan tentang seksualiti sekaligus menghindarkan mereka daripada terlibat dalam aktiviti yang tidak sihat terutama dari perspektif agama.

- a) Rentetan daripada hal di atas, ibu bapa perlu memainkan peranan penting sebagai pembimbing utama dalam menyalurkan maklumat dan juga mendidik anak remaja segala isu berkaitan seksualiti. Ia sedikit sebanyak boleh mengelak anak remaja ini daripada bergantung dan percaya kepada sumber-sumber maklumat lain yang mungkin mendedahkan maklumat yang tidak tepat dan bercanggah dengan fakta sebenar.

Dapatan yang menunjukkan pengalaman segelintir responden yang terlibat dalam aktiviti berkaitan seksualiti menjelaskan perubahan gaya hidup anak-anak muda masyarakat Malaysia yang membimbangkan. Perhatian dan tindakan daripada ibu bapa, keluarga dan masyarakat umum dalam menangani isu ini mesti diperkasakan agar ianya tidak menjadi semakin parah dan menjadi barah dalam kehidupan masyarakat yang penuh dengan nilai-nilai murni.

Oleh itu, sumbangan keluarga dalam hal pendidikan kesihatan reproduktif ini juga wajar dibahasakan secara lebih terperinci. Mesej yang disampaikan berkaitan seksualiti dan amalan praktikal keluarga dalam konteks ini perlu dirungkai dengan lebih jelas agar pelajar tidak menerima pengetahuan yang bertentangan dan mengelirukan.

- b) Meneliti sumber maklumat pengetahuan seksual yang diperolehi oleh pelajar daripada kajian ini mendedahkan kepentingan mekanisme komunikasi dan teknologi maklumat. Media disebut sebagai tempat sumber maklumat oleh pelajar mencerminkan pengaruh besar yang boleh dilaksanakan dalam mendidik pelajar atau remaja tentang kesihatan reproduktif. Media massa terpilih boleh digunakan untuk memberikan sumber maklumat yang tepat dan berterusan kepada golongan sasaran agar ia boleh menjadi sumber rujukan alternatif sebelum pengetahuan dan kemahiran lanjut disalurkan oleh mereka yang berkecualan dengan sewajarnya. Dalam hal ini, media boleh membantu untuk menghapuskan taboo dalam topik-topik sensitif seperti isu-isu seksualiti sekaligus membolehkannya dibincang dan dibahasakan dengan lebih terbuka. Ia sedikit sebanyak dapat membantu dalam mengubah norma-norma sosial dan boleh mendekati jumlah golongan masyarakat yang lebih luas dengan kos yang berpatutan serta mampu menyebarkan maklumat-maklumat yang praktikal.

- c) Sumber maklumat utama tentang seksualiti termasuklah rakan-rakan, media, dan pihak sekolah. Selaras dengan itu, pihak sekolah boleh

membentuk program-program dan aktiviti-aktiviti berkenaan dengan kesihatan reproduktif kepada pelajar-pelajar yang terpilih. Mereka ini kemudian boleh diberi tanggungjawab untuk menyampaikan maklumat-maklumat yang secukupnya kepada rakan-rakan melalui kaedah pembimbing rakan sebaya.

- d) Kawalan atau pemantauan yang lebih tegas oleh pihak kerajaan perlu bagi mengatasi penyalahgunaan bahan dalam internet. Ini kerana pelajar lebih banyak mendapat maklumat daripada internet berkenaan isu seksualiti.

2. Penyelarasan dan kerjasama pelbagai pihak melalui program yang dijalankan.

Kolaborasi pelbagai pihak seperti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Jabatan Agama, Jabatan Belia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kesihatan, polis dan sekolah amat perlu dalam melatih golongan dewasa yang berkenaan untuk menjadi lebih efektif dalam memberi kaunseling dan berkomunikasi dengan remaja tentang aktiviti seksual. Program-program sewajarnya menjelaskan tentang mitos berkaitan kesihatan seksual, maklumat-maklumat seksual dan perkongsian strategi daya tindak yang praktikal bagi membantu remaja menangani kehendak-kehendak seksual yang berlaku dalam hidup mereka.

- a) Program-program pendidikan berkenaan kesihatan reproduktif sama ada secara rasmi atau sebaliknya sewajarnya dipertingkatkan dalam skala yang sebesar-besarnya sekiranya boleh, di samping mengenal pasti ruang dan

tempat yang popular bagi remaja mendapatkan maklumat yang mereka perlukan. Pendidikan seksual merupakan keperluan asas dan hak tetapi masih lagi tidak mencukupi bila mana dalam banyak negara, mereka masih kurang maklumat tentang topik-topik penting dan praktikal berkaitan kesihatan reproduktif. Penekanan sewajarnya diletakkan dalam membantu pelajar dan remaja membentuk kemahiran dan keupayaan untuk bertanggungjawab terhadap hal-hal seksualiti. Para pendidik kesihatan reproduktif seharusnya dilatih secukupnya, tidak 'judmental' dan bersifat terbuka terhadap segala permasalahan dan kemusykilan remaja.

- b) Pelajar dan remaja sewajarnya mempunyai akses kepada pelbagai perkhidmatan kesihatan di mana mereka boleh menerima rawatan secara yang dihormati dan beretika atas keperluan mereka. Seajar dengan konteks ini, usaha perlu dilakukan bagi menjadikan pusat-pusat kesihatan atau sebagainya lebih mesra pelajar dan remaja.

3. Program pendidikan kekeluargaan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar menerima maklumat berkenaan kesihatan reproduktif dari pelbagai sumber. Walau bagaimanapun, kawan-kawan dilaporkan merupakan sumber utama bagi pelajar atau remaja. Hasil kajian ini menjelaskan majoriti responden mendapat maklumat mengenai seksualiti daripada kawan-kawan berbanding sumber-sumber lain. Tambahan pula, walaupun tidak mempunyai perbezaan yang besar, pelajar lelaki dilihat lebih ramai daripada pelajar perempuan yang melaporkan bahawa kawan-kawan sebagai sumber

maklumat utama. Sementara itu, remaja perempuan lebih ramai menyenaraikan majalah sebagai sumber utama. Keperbezaan gender ini memainkan peranan dalam mana-mana juga inisiatif untuk menyediakan maklumat kesihatan pada masa hadapan.

Kita semua sedia maklum, pelajar dan ibu bapa mereka akan sering melaporkan perhubungan yang 'baik' dengan ibu bapa dan anak-anak mereka. Namun demikian, walaupun hubungan mereka sedemikian 'baik', kebanyakan responden kajian ini melaporkan banyak mendapatkan maklumat atau berbincang tentang kesihatan reproduktif dengan rakan-rakan berbanding dengan ibubapa mereka.

Program pendidikan kekeluargaan perlu menyedari bahawa pelajar atau remaja telah terlibat dengan aktiviti seksualiti dan dengan demikian memerlukan maklumat perancangan keluarga dan perkhidmatan kesihatan reproduktif.

Tahap pengetahuan yang rendah berkaitan kesihatan reproduktif dan digabungkan dengan peningkatan jumlah remaja yang dilaporkan terlibat dalam aktiviti seksual mencadangkan kepada kita bahawa program pendidikan kekeluargaan perlu diperkenalkan kepada kanak-kanak yang lebih muda, bukan sekadar apabila mula baligh. Orang muda perlu diberi maklumat tentang risiko yang ada apabila terlibat dalam aktiviti seksual.

Lebih banyak kaedah inovatif dan interaktif mungkin diperlukan untuk mendekati remaja terutamanya anak lelaki yang dipengaruhi oleh tekanan sosial yang kuat untuk terlibat dengan aktiviti seksual. Penglibatan remaja secara aktif

dalam program-program pendidikan kekeluargaan telah ditunjukkan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap tingkahlaku mereka berbanding dengan syarahan.

4. Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini telah memberi tumpuan kepada aspek seksualiti pelajar yang merangkumi pelajar di sekolah dan di Universiti. Berdasarkan limitasi kajian yang dinyatakan sebelum ini, beberapa saranan untuk kajian akan datang dikemukakan.

- a) Kajian ini hanya menumpukan kepada pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Changlun dan di Universiti Utara Malaysia sahaja. Oleh itu, disarankan agar kajian akan datang merangkumi keseluruhan IPTA di Malaysia dan beberapa buah sekolah di negeri Kedah. Ini bagi membolehkan perbandingan dilakukan di antara IPTA dan juga di pelbagai sekolah untuk mendapatkan gambaran sebenar isu seksualiti pelajar.
- b) Melakukan kajian yang lebih terperinci terhadap faktor-faktor penglibatan dalam amalan seksual berisiko.

6.3 Kesimpulan

Pelajar adalah aset negara yang amat berharga yang perlu dijaga demi masa depan negara. Kebajikan dan kesejahteraan mereka menjadi keutamaan keluarga dan negara. Namun begitu, ada juga di kalangan pelajar yang kesejahteraan hidup mereka terjejas akibat daripada pelbagai faktor yang terjadi. Sehubungan dengan ini, maka kerajaan telah melakukan pelbagai bentuk intervensi bagi menangani segala isu yang berlaku terhadap pelajar. Antara langkah yang diambil adalah melalui penggubalan Dasar dan

Pelan Tindakan Pendidikan Kesehatan Reproduksi dan Sosial. Sepertimana yang ditekankan oleh kerajaan, penggubalan Dasar ini adalah untuk memberi garis panduan kepada pelajar dan menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan fizikal, emosi serta mental yang sihat dalam suasana kekeluargaan yang harmoni. Dalam konteks ini, Dasar ini bertujuan untuk mencegah dan mengurangkan kesan masalah sosial ke atas pelajar serta menentukan pendidikan yang menyeluruh berkenaan isu seksualiti.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Ghani Nasir. (2010). Punca Gadis Hamil di Luar Nikah. Retrieved from <http://www.ukm.my/news/index.php/ms/berita-penyelidikan/345.html>
- Acock, A. & Ireland, N. (1983). Attribution of blame in rape cases: The impact of norm violation, gender, and sex role attitude. *Sex Roles*, 9(2), 179-193.
- Ahrold, T., & Meston, C. M. (2008). Ethnic, Gender, and Acculturation Influences on Sexual Behaviors. *Arch Sex Behav* DOI 10.1007/s10508-008-9415-0.
- Amazigo, U., Silva, N., Kaufman, J. & Obikeze, D.N. (1997). Sexual activity and contraceptive knowledge and use among in-school adolescents in Nigeria. *International Family Planning Perspective*. 23 (1), 28-33.
- Amir Hasan Dawi (2009). *Pendidikan Seks Suatu Perspektif Sosial*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Anwar M., S. Sulaiman, Ahmadi K., & M. Khan. (2010). Awareness of school students on sexually transmitted infections (STIs) and their sexual behavior: a cross-sectional study conducted in Pulau Pinang, Malaysia. *BMC Public Health*, 10 (47).
- Ayyoub Malek, Hamid Abbasi Shokoohi, Ali Ngahi Faghihi, Mahdi Bina, & Ali Reza Shafiee-Kandjani. (2010). A Study on the Sources of Sexual Knowledge Acquisition among High School Students in Northwest Iran. *Archives of Iranian Medicine*. 13(6), 537-542.
- Azlin Hilma Hillaluddin, Yusmarhaini Yusof, & Chan Cheong Chong. (2004). *Pengetahuan kanak-kanak sekolah rendah mengenai penganiayaan seksual: Satu kajian penerokaan*. (Laporan kajian penyelidikan). Universiti Utara Malaysia.
- Barnett, M & Feild, H. (1977). Sex differences in university students' attitudes toward rape. *Journal of College Student Personnel*. 18(2), 93-96.
- Barnett, M., Tetreault, P., Esper, J., & Bristow, A. (1986). Similarity and empathy: The experience of rape. *The Journal of Social Psychology*, 126, 47-49.
- Benokraitis, N. V. (2011). *Marriages & Families; Changes, Choices & Constraints*. (7th ed). Singapore; Pearson.
- Berita Harian. (July 28, 2010). 21 kes pelajar mengandung, bersalin anak luar nikah sejak 2006. *Berita Harian Online*. Retrieved May 30, 2011, from http://www.bharian.com.my/articles/21kespelajarmengandung_bersalinanakluarnikahsejak2006/Article/

- Blinn-Pike, L. (1999). Why abstinent adolescents report they have not had sex: Understanding sexuality resilient youth. *Family Relation*, 48, 295-301.
- Caron, S., & Carter, D. (1997). The relationships among sex role orientation, egalitarianism, attitudes toward sexuality, and attitudes toward violence against women. *The Journal of Social Psychology*, 137(5), 568-587.
- Chao, J., Lin, Y., Ma, M., Ku, Y., Tsai, C., & Shi, M. (2010). Sexual knowledge, attitudes and activity of men conscripted into the military. *BMC Public Health* 2010, 10:577
- Choe, M. K., & Lin, H. (2001). Effect of Education on Premarital Sex and Marriage in Taiwan. *East-West Center Working Papers*. No. 108-16.
- Deptula, D. P., Henry, D. B., & Schoeny, M. E. (2010). How can parents make a difference? Longitudinal associations with adolescent sexual behavior. *Journal of Family Psychology*. 6(24), 731-739. doi: 10.1037/a0021760
- Didion, J., & Gatzke, H. (2004). The Baby Think It Over™ Experience to Prevent Teen Pregnancy: A Postintervention Evaluation. *Public Health Nursing*, 21 (4), pp. 331–337.
- Downie, J., & Coates, R. (1999). The impact of gender on parent– child sexuality communication: Has anything changed? *Sexual & Marital Therapy*, 14, 109–121.
- Duyan V. & Duyan G. (2009). HIV/AIDS knowledge among a group of youngsters under social protection in Turkey. *Turk J Med Sci* 2009; 39(3): 429-437.
- Edmonson B., & Wish J. (1975). Sex knowledge and attitudes of moderately retarded males. *American Journal of Mental Deficiency*, 84, 11-18.
- Eggleston, E., Jackson, J., & Hardee, K. (1999). Sexual attitudes and behaviour among young adolescents in Jamaica. *International Family Planning Perspectives*, 25(2), 78-84.
- Hatta Sidi, Mohamed Hatta Shaharom, & Ramli Hassan. (1999). *Seksualiti Manusia Keharmonian Jalinan Antara Jantina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hendrick, S., Hendrick, C., Slapion-Foote, M., & Foote, F. (1985). Gender differences in sexual attitudes. *Journal of Personality and Social Psychology*, 48(6), 1630-1642.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. (tidak bertarikh). *Statistik Perkhidmatan Kebajikan (Welfare Services Statistics)*. Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (Social Welfare Department of Malaysia)
- Jemmott, J. B. III., Jemmott, L. S., & Fong, G. T. (1992). Reduction in HIV risk-associated sexual behaviors among black male adolescents effects of an AIDS

prevention intervention. *American Journal of Public Health*, 82, 372 – 377.
doi:10.2105/AJPH.82.3.372

Johnson, C. F. (2004). Child sexual abuse. *The Lancet*, 364(9432), 462-470.

Joint United Nations Programme on HIV/AIDS (UNAIDS) and World Health Organization (WHO) working group on global HIV/AIDS and STI surveillance. (2006). Epidemiological fact sheets on HIV/AIDS and sexually transmitted infections, Malaysia WHO. Geneva.

Jones, G. (2011). Social-family research and policy in Southeast Asia: Observations and prospects. Paper prepared and presented at the National Seminar on Malaysia. Family Policy, 14-15 September 2011, University Putra Malaysia, Serdang.

Jones, N.R. & Haynes, R. (2006). The association between young people's knowledge of sexually transmitted disease and their behavior: A mixed methods study. *Health, Risk & Society*, 8(3): 293-303

Kirby, D. (1988). Mathtech questionnaires: Sexuality questionnaires for adolescents. In C. Davis, W. Yarber, & S. Davis (Eds.), *Sexuality-related measures: A compendium* (pp. 201-212). Lake Mills, IA: Graphic Publishing Company.

Kirby, D., Barth, R. P., Leland, N., & Fetro, J. V. (1991). Reducing the risk: Impact of a new curriculum on sexual risk-taking. *Family Planning Perspectives*, 23, 253-262.

Kumpulan Bertindak dan Penyelidikan HIV/AIDS, USM (2010). *Pengetahuan dan sikap pelajar IPT terhadap HIV/AIDS*. Universiti Sains Malaysia: Laporan Penyelidikan.

Margolin, L., Miller, M., & Moran, P. (1989). When a kiss is not just a kiss: Relating violations of consent in kissing to rape myth acceptance. *Sex Roles*, 20, 231-234.

Maticka-Tyndale, E. (2009). Report on baseline data collection and results for HP4R Y (HIV Prevention for Rural Youth, Nigeria).

McCabe, M. P. (1999). Sexual Knowledge, Experience and Feelings Among People with Disability. *Sexuality and Disability*, 17(2), 157-170.

McManus, A., & Dhar, L. (2008): Study of knowledge, perception and attitude of adolescne girls towards STIs/HIV, safer sex and sex education: (A cross sectional survey of urban adolescent school girls in South Delhi, India). *BMC Women's Health* 2008, 8:12


Meschke, L., Bartholomae, S., & Zentall, S.R. (2000). Adolescent sexuality and parent-adolescent processes: Promoting healthy teen choices. *Family Relation*, 49 (2), 143-154.

- Miller, B. C., & Benson, B., & Galbraith, K. A. (2001). Family Relationships and Adolescent Pregnancy Risk: A Research Synthesis. 1–38. *Developmental Review* 21. doi:10.1006/drev.2000.0513
- Mohd Azis Ngah. (2010, March 21, 2010). 17,303 anak luar nikah didaftar 2009 . *Berita Harian*.
- Moore, S., & Rosenthal, D. (1991). Adolescents' perceptions of friends' and parents' attitudes toward sex and sexual risk-taking. *Journal of Community and Applied Social Psychology*, 1, 189–200.
- Morgan, Thorne, & Zurbriggen. (2010). A Longitudinal Study of Conversations With Parents About Sex and Dating During College. *Developmental Psychology* 2010, 46 (1), 139-150.
- Morris, J., Young, M., & Jones, C. (2000). Self-Esteem and Adolescent Sexual Behavior Among Students at an Elite Bolivian School. *The International Electronic Journal of Health Education*. 3(1), 36-43.
- National Center for Health Statistics. Healthy People 2000 final review. Hyattsville, MD: Public Health Service, 2001. Accessed 2011, September 29.
- Nguyen, H. N., Liamputtong, P., & Murphy, G. (2006). Knowledge of contraceptives and sexually transmitted diseases and contraceptive practices amongst young people in Ho Chi Minh City, Vietnam. *Health Care Women Int*, 27:399-417.
- O'Donnell, L., O'Donnell, C., & Stueve, A. (2001). Early sexual initiation and subsequent sex-related risks among urban minority youth: The reach for health study. *Family Planning Perspectives*, 33, 268-275.
- Office of Disease Prevention and Health Promotion, U. S. Department of Health and Human Services. HealthyPeople.gov. <http://healthypeople.gov>
- O'Sullivan, L. F., Meyer-Bahlburg, H. F. L., & Watkins, B. X. (2001). Mother-daughter communication about sex among urban African-American and Latino families. *Journal of Adolescent Research*, 16, 269–292.
- Ozkan, T., Baser, M., & Gun, I. (2008). Determining Erciyes University Students' Knowledge About and attitudes Toward Sexuality. *Social Behavior and Personality*, 36 (10), 1401-1410
- Perimbanayagam, K., & Sennyah, P. (2010). Two babies found abandoned. *The New Straits Times*.
- Putnam, F. W. (2003). Ten-year research update review: Child sexual abuse. *Journal of the American Academy of Child & Adolescent Psychiatry*, 42(3), 269-278
- Randall, H.E., & Byers, E.S. (2003). What is sex? Student's definitions of having sex, sexual partner and unfaithful sexual behavior. *The Canadian Journal of Human Sexuality*, 12, 87-96.

- Raudah Abu Hassan. (2003). *Pengetahuan seks di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Changlun*. Latihan ilmiah: Universiti Utara Malaysia.
- Report of the UNFPA Intercountry Workshop Adolescent Reproductive Health for East and South-East Asia and the Pasific Island Countries. (2000). Bangkok: *United Nations Population Fund*.
- Sandfort, J. R., & Pleasant, A. (2009). Knowledge, attitudes, and informational behaviors of college students in regard to the human papillomavirus. *Journal of American College Health, 58*(2), 141-149.
- Sheng, L., & Cao, W. K. (2008). HIV/AIDS epidemiology and prevention in China. *China Medical Journal, 121*:1230-1236.
- Silver, E., & Bauman, L. (2006). The association of sexual experience with attitudes, beliefs, and risk behaviors of Inner-City adolescents. *Journal of Research on Adolescence, 16*(1), 29-45.
- Siti Nor Y., Wong Fui-Ping, Rozumah B., Mariani M., Rumaya J., & Mansor, A.T. (2010) Factors related to sexual knowledge among Malaysian adolescents. *Jurnal Kemanusiaan, 16*, 21 – 32.
- St. Lawrence, J. S., Jefferson, K. W., Alleyne, E., O'Bannon III, R. E., & Shirley, A. (1995). Cognitive-behavioral intervention to reduce African American adolescents' risk for HIV infection. *Journal of Consulting and Clinical Psychology, 63*(2), 221-237.
- The New Straits Times. (May 5, 2010). Baby found covered with ants. *The New Straits Times*.
- Timmers, R. L., Du Charme, P., & Jacob, G. (1981). Sexual knowledge, attitudes and behavior of developmentally disabled adults living in a normalised apartment setting. *Sex and Disab, 4*, 27-39.
- Tung, W. C., Hu, J., Davis, C., Tung, W. K., & Lin, Y. M. (2008). Knowledge, attitudes, and behaviors related to HIV and AIDS among female college students in Taiwan. *Journal of Human Behaviour in the Social Environment, 17*:361-375.
- Tutty, L. M. (1997). Child sexual abuse preventions programs: evaluating “who do you tell.” *Child Abuse & Neglect: The International Journal, 21*(9), 869-881
- Unger, J., Molina, G., & Teran, L. (2000). Perceived consequences of teenage childbearing among adolescent girls in an urban sample. *The Journal of Adolescent Health, 26*(3), 205–212.
- Utusan Malaysia. (2009, October 31, 2009). Pelajar dipercayai tanam bayi belakang rumah. *Utusan Malaysia*.

- Weidner, G., & Griffitt, W., (1983). Rape: A Sexual stigma? *Journal of Personality*, 51, 152-166.
- Whitehead, E. (2009). Understanding the association between teenage pregnancy and inter-generational factors: A comparative and analytical study. *Midwifery*, 25, 147-154.
- Yuille, J., Marxsen, D., & Cooper, B. (1999). Training investigative interviewers: Adherence to the spirit, as well as the letter. *International Journal of Law and Psychiatry*, 22(3/4), 323–336.
- Yuille, J. C., Hunter, R., Joffe, R., & Zaparniuk, J. (1993). Interviewing children in sexual abuse cases. In G. S. Goodman & B. L. Bottoms (Eds.), *Child victims, child witnesses*. (ms. 95 – 115). New York, NY: The Guilford Press.

LAMPIRAN A: CARTA ALIRAN AKTIVITI PENYELIDIKAN



LAMPIRAN B: CARTA GANTT AKTIVITI PENYELIDIKAN

Activities / months	2010										2011	
	March	April	May	June	July	Aug	Sept	Oct	Nov	Dec	Jan	Feb
Literature search	x	x	x	x	x	x	X	x	x	x	x	x
Research instruments formulation	x	x										
Respondents identification	x	x										
Data collection process			x	x	x	x						
Data entry and the process of transcribing						x	X	x				
Data analysis									x	x		
Report writing										x	x	x

LAMPIRAN C: JADUAL PERANCANGAN AKTIVITI KAJIAN

Aktiviti / Bulan	2009					2010						
	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul
Sorotan Karya	X	x	x	x	x	x	x	X	x	x	x	x
Mengenalpasti Responden	X	x	x									
Menjana Protokol Temubual	X	x	x									
Temubual			x	x	x	x	x					
Menjana Instrumen Tinjauan		x	x	x								
Menjalankan Tinjauan		x	x	x	x	x	x					
Menghasilkan Transkripsi dan Analisis			x	x	x	x	x	x				
Kemasukan Data dan Analisis			x	x	x	x	x	x	x			
Analisis Data				x	x	x	x	x	x	x	x	
Penulisan Laporan	X	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x

LAMPIRAN D: SOAL SELIDIK KAJIAN



PROGRAM PENGURUSAN KERJA SOSIAL
KOLEJ SASTERA DAN SAINS
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Pengetahuan Seksualiti Dalam Kalangan Pelajar

Responden yang dihormati,

Terima kasih kerana bersetuju untuk turut serta dalam kajian ini.

Kami amat menghargai sekiranya anda dapat menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dengan sejujur-jujurnya kerana maklumat yang anda berikan akan mempengaruhi ketepatan dan kejayaan kajian ini. Ia akan mengambil masa tidak lebih daripada 30 minit untuk menghabiskan soal selidik ini. Kesemua jawapan akan dirahsiakan dan akan hanya digunakan untuk tujuan kajian ini sahaja.

Sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan berkaitan dengan kajian ini, anda boleh kemukakannya kepada kami seperti di alamat yang tertera di bawah.

Terima kasih atas kerjasama dan masa yang anda berikan dalam menjawab soal selidik ini.

Yang benar,

Abdul Razak Abd Manaf, Ph.D (Ketua Perunding)

Zarina Mat Saad, Ph.D

Zakiah Jamaluddin, Ph.D

Rajwani Md Zain, Ph.D


Wan Abdul Rahman Khudzri Wan Abdullah, Ph.D

Azlin Hilma Hillaluddin

Noor Azizah Ahmad

Fatin Hakimah Mohd Arshad

Program Pengurusan Kerja Sosial
Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia
Sintok, 06010 Kedah
Phone: 04 9283840 @ 019 551 2525



Email: a.razak@uum.edu.my

BAHAGIAN A: PENGETAHUAN BERKAITAN SEKSUALITI

Sila bulatkan jawapan anda berdasarkan 1= Betul 2 = Salah 3= Tidak tahu

	Sistem pembiakan	Betul	Salah	Tidak tahu
1.	Ovari adalah kelenjar wanita yang menghasilkan telur	1	2	3
2.	Sperma adalah sel pembiakan lelaki	1	2	3
3.	Sperma dihasilkan oleh testis	1	2	3
4.	Ovari dihasilkan dalam uterus	1	2	3
5.	Fungsi sperma akan terjejas pada suhu yang tinggi daripada suhu badan	1	2	3
6.	Proses pembiakan adalah satu proses di mana sperma bercantum dengan telur wanita	1	2	3
7.	Telur telah wujud sejak bayi perempuan dilahirkan	1	2	3
8.	Dalam proses pembiakan, gen lelaki akan menentukan jantina seorang bayi	1	2	3
	Kehamilan			
9.	Seseorang wanita yang pertama kali datang haid tidak boleh mengandung	1	2	3
10.	Kemandulan boleh berlaku pada lelaki dan perempuan	1	2	3
11.	Kegagalan mendapatkan anak adalah tanggungjawab isteri	1	2	3
12.	Kedua-dua ovari mesti berfungsi untuk membolehkan seseorang wanita mengandung	1	2	3
13.	Wanita yang telah membuang uterus masih boleh mengandung	1	2	3
14.	Kehamilan mengambil masa sembilan bulan 10 hari	1	2	3
15.	Percantuman sperma dan telur wanita akan menghasilkan bayi	1	2	3
	Alat pencegah kehamilan			
16.	Alat pencegahan kehamilan adalah berfungsi untuk mencegah kehamilan	1	2	3
17.	Alat pencegah kehamilan mengurangkan jangkitan penyakit kelamin	1	2	3
18.	Kondom adalah alat pencegah kehamilan yang paling	1	2	3

	popular di kalangan lelaki			
19.	Wanita yang menggunakan alat pencegah kehamilan semasa mengadakan hubungan seks tidak akan mengandung	1	2	3
20.	Terdapat alat pencegah kehamilan lelaki dan perempuan	1	2	3
21.	Pihak perempuan bertanggungjawab untuk menggunakan alat pencegahan kehamilan semasa hubungan seks	1	2	3
22.	Pil pencegah kehamilan adalah paling popular digunakan oleh wanita untuk mencegah kehamilan	1	2	3
	Penyakit kelamin			
23.	Kebanyakan penyakit kelamin disebabkan oleh bakteria dan virus	1	2	3
24.	Penyakit kelamin boleh dipindahkan kepada lelaki dan perempuan	1	2	3
25.	AIDS boleh disebarkan melalui sperma	1	2	3
26.	Penggunaan kondom dapat mengurangkan risiko dijangkiti penyakit kelamin	1	2	3
		Betul	Salah	Tidak tahu
27.	AIDS boleh disebarkan melalui darah atau pemindahan darah	1	2	3
28.	Penyakit kelamin boleh diubati	1	2	3
29.	Penyakit kelamin boleh dicegah dengan membasuh alat kelamin	1	2	3
30.	Penyakit kelamin boleh dijangkiti melalui berjabat tangan	1	2	3
31.	Penyakit kelamin boleh merebak melalui seks	1	2	3
32.	Seseorang yang telah sembuh daripada penyakit kelamin tidak akan dijangkiti oleh penyakit kelamin lain	1	2	3

BAHAGIAN B: SUMBER PENGETAHUAN SEKSUAL

Dari mana anda mendapat maklumat tentang pengetahuan seksual (boleh tanda lebih daripada satu jawapan)

1.	Kawan-kawan	
2.	Buku	
3.	Televisyen/ wayang	
4.	Majalah	
5.	Suratkhabar	
6.	Kursus/ kelas pengetahuan seksual	
7.	Pengalaman seksual sendiri	
8.	CD/DVD	
9.	Internet	
10.	Ibu	
11.	Doktor/ jururawat	
12.	Guru	
13.	Bapa	

14.	Institusi (contoh: sekolah, kolej, universiti)	
15.	Adik beradik lelaki	
16.	Adik beradik perempuan	
17.	Saudara mara	
18.	Teman lelaki/ wanita	
19.	Jiran	
20.	Kelas agama	
21.	Lain-lain (nyatakan) _____	

Adakah pendidikan reprodktif penting diperkenalkan di peringkat sekolah? Ya Tidak

Adakah anda berminat mengikuti kelas pendidikan reprodktif? Ya Tidak

BAHAGIAN C: PENGALAMAN BERKAITAN SEKSUALITI

Sila bulatkan jawapan anda berdasarkan

1=tidak pernah

2=jarang-jarang

3= kadang-kadang

4= kerap

5= sangat kerap

		Tidak pernah	Jarang-jarang	Kadang-kadang	Kerap	Sangat kerap
1.	Membeli kondom	1	2	3	4	5
2.	Menonton filem/ video lucah	1	2	3	4	5
3.	Membaca bahan lucah	1	2	3	4	5
4.	Mempunyai kawan yang pernah melakukan hubungan seks	1	2	3	4	5
5.	Menggunakan pil pencegah kehamilan	1	2	3	4	5
6.	Mempunyai teman lelaki/wanita/ istimewa yang pernah melakukan hubungan seks	1	2	3	4	5
7.	Berpegangan tangan atau membelai-belai	1	2	3	4	5
8.	Bercium semasa temu janji	1	2	3	4	5
9.	Seks secara oral	1	2	3	4	5
10.	Melakukan seks/bersetubuh dengan orang yang berlainan jantina	1	2	3	4	5
11.	Melakukan seks/bersetubuh dengan orang yang sama jantina	1	2	3	4	5
12.	Berkhayal tentang seks	1	2	3	4	5

13.	Kekerapan keluar temujanji (<i>dating</i>)	1	2	3	4	5
14.	Melakukan onani/melancap	1	2	3	4	5
15.	Memaksa pasangan anda melakukan seks	1	2	3	4	5
16.	Dipaksa melakukan seks atau mengalami penderaan	1	2	3	4	5

17.	Pada pandangan anda, apakah faktor-faktor yang boleh menghalang seseorang itu melakukan hubungan seks tanpa nikah (boleh pilih lebih daripada satu jawapan)					
	a) Pegangan agama					
	b) Kawalan ibu bapa/ keluarga					
	c) Kesedaran sendiri					
	d) Nilai-nilai masyarakat (takut orang tahu)					
	e) Pendidikan					
	f) Takut jangkitan penyakit kelamin/HIV/AIDS					
	g) Pengaruh rakan					
	h) Rasa rendah diri					
	i) Tiada pasangan					
	j) Tiada peluang					
	k) Tidak bersedia					
	l) Takut mengandung					
	m) Lain-lain: Nyatakan _____					

BAHAGIAN D: SIKAP TERHADAP ISU SEKSUALITI

Sila bulatkan jawapan anda berdasarkan

1= sangat tidak setuju

2 = tidak setuju

3= tidak tahu

4= setuju

5= sangat setuju

		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak tahu	Setuju	Sangat setuju
1.	Pornografi perlu dimansuhkan	1	2	3	4	5
2.	Seorang wanita perlu tunduk kepada kehendak seksual lelaki	1	2	3	4	5
3.	Pengguguran perlu dibenarkan untuk wanita hamil	1	2	3	4	5
4.	Seks sebelum berkahwin adalah salah dari segi moral	1	2	3	4	5
5.	Wanita harus tunggu sehingga berkahwin untuk melakukan hubungan seks	1	2	3	4	5
6.	Pengguguran adalah pembunuhan	1	2	3	4	5
7.	Remaja yang menonton bahan lucah	1	2	3	4	5

	cenderung untuk merogol pasanganya					
8.	Mangsa rogol atau sumbang mahram dibolehkan menggugurkan kandungan	1	2	3	4	5
9.	Pendidikan seks diperlukan di sekolah	1	2	3	4	5
10.	Seks di antara remaja adalah dibenarkan	1	2	3	4	5
11.	Adalah salah wanita itu sendiri jika dia dirogol	1	2	3	4	5
12.	Pengguguran adalah perbuatan jahat berbanding dengan melahirkan anak luar nikah	1	2	3	4	5
13.	Remaja perlu digalakkan memelihara kesucian diri	1	2	3	4	5
14.	Pendidikan seks bagi remaja perlu menitikberatkan anatomi (bahagian-bahagian dalam badan manusia)	1	2	3	4	5
15.	Sebarang bentuk pornografi merendahkan kaum wanita	1	2	3	4	5
16.	Rogol hanya dilakukan oleh orang yang dikenali	1	2	3	4	5
17.	Ibu bapa tidak perlu bertanggungjawab mengajar anak-anak tentang seks	1	2	3	4	5
18.	Adalah mustahil bagi seseorang lelaki menjadi mangsa penderaan seksual	1	2	3	4	5
19.	Melakukan hubungan seks tanpa kerelaan adalah rogol	1	2	3	4	5
20.	Melakukan hubungan seks tanpa nikah dengan orang yang belum mencapai umur 18 tahun adalah rogol	1	2	3	4	5
21.	Agama melarang perlakuan seks tanpa nikah	1	2	3	4	5
22.	Melakukan hubungan seks merupakan satu cara untuk membuktikan rasa cinta	1	2	3	4	5
23.	Hanya saya yang boleh menyentuh/ melihat organ sulit saya	1	2	3	4	5
24.	Orang yang saya suka boleh memeluk saya	1	2	3	4	5
25.	Saya boleh menolak dan menjauhkan diri dari orang yang menyentuh saya dengan cara yang tidak disenangi	1	2	3	4	5
26.	Dipeluk dan disentuh boleh menjadi perbuatan yang tidak baik	1	2	3	4	5
27.	Saya akan memberitahu seseorang	1	2	3	4	5

	yang saya percaya jika ada orang yang menyentuh saya dengan cara yang tidak disenangi					
28.	Kalau ada orang yang menyentuh diri saya dengan cara yang tidak disenangi, itu adalah salah saya	1	2	3	4	5
29.	Kadang-kadang ahli keluarga juga boleh menyentuh dengan cara yang tidak disenangi	1	2	3	4	5

Apa maklumat lain yang anda ingin tahu mengenai pendidikan seksualiti?

BAHAGIAN E: DEMOGRAFI

ARAHAN: SILA TULIS ATAU BULATKAN JAWAPAN YANG BERKAITAN

1.	Umur: _____ tahun
2.	Sila nyatakan jantina 1. Lelaki 2. Perempuan
3.	Taraf perkahwinan: 1. Bujang 2. Berkahwin 3. Bercerai/ berpisah
4.	Tahap pendidikan sekarang: 1. Tingkatan 1 2. Tingkatan 2 3. Tingkatan 4 4. Tingkatan 6 rendah 5. Matrikulasi 6. Universiti
5.	Bangsa: 1. Melayu 2. Cina 3. India 4. Lain-lain _____
6.	Agama: 1. Islam

	<ol style="list-style-type: none"> 2. Kristian 3. Hindu 4. Buddha 5. Lain-lain _____
7.	<p>Dengan siapa anda tinggal sekarang?</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ibu bapa 2. Ibu 3. Bapa 4. Datuk/nenek 5. Adik beradik 6. Saudara mara 7. Kawan-kawan 8. Lain-lain _____
8.	<p>Jika tidak tinggal bersama ibu bapa, mengapa?</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ibu bapa saya telah bercerai/ berpisah 2. Ibu / bapa saya telah meninggal dunia 3. Kedua-dua ibu bapa saya telah meninggal dunia 4. Saya ditempatkan di rumah kebajikan 5. Saya telah diambil sebagai anak angkat 6. Saya tinggal di asrama
9.	Bilangan isi rumah: _____ orang
10.	<p>Jumlah adik beradik:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Lelaki _____ orang 2. Perempuan _____ orang
11.	<p>Anda merupakan anak ke berapa?</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pertama 2. Kedua 3. Ketiga 4. Keempat 5. Kelima 6. Nyatakan: _____
12.	<p>Sila nyatakan sama ada anda mempunyai teman wanita/lelaki/ teman istimewa</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ya 2. Tidak 3. Sedang mengenali
13.	<p>Jika YA, sila nyatakan sudah berapa lama anda mengenalinya? _____ bulan/ _____ tahun</p>

14.	MAKLUMAT BAPA
	14a. Status bapa 1. Bapa kandung 2. Bapa tiri 3. Bapa angkat
	14b. Umur: _____ tahun
	14c. Bangsa 1. Melayu 2. Cina 3. India 4. Lain-lain _____
	14d. Agama 1. Islam 2. Kristian 3. Hindu 4. Buddha 5. Lain-lain _____
	14e. Tahap pendidikan 1. Tidak bersekolah 2. Sekolah pondok 3. Sekolah rendah 4. SRP 5. SPM 6. STPM 7. Diploma/ Ijazah
	14f. Status perkahwinan: 1. Bujang 2. Berkahwin 3. Bercerai/ berpisah
	14g. Pekerjaan: _____
	14h. Pendapatan: 1. RM500 ke bawah 2. RM501 – RM1000 3. RM1001 – RM1500 4. RM1501 – RM2000 5. RM2001 - RM2500 6. RM2501 ke atas

15.	<p>MAKLUMAT IBU</p> <p>15a. Status ibu</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ibu kandung 2. Ibu tiri 3. Ibu angkat <hr/> <p>15b. Umur: _____ tahun</p> <hr/> <p>15c. Bangsa</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Melayu 2. Cina 3. India 4. Lain-lain _____ <hr/> <p>15d. Agama</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Islam 2. Kristian 3. Hindu 4. Buddha 5. Lain-lain _____ <hr/> <p>15e. Tahap pendidikan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak bersekolah 2. Sekolah pondok 3. Sekolah rendah 4. SRP 5. SPM 6. STPM 7. Diploma/ Ijazah <hr/> <p>15f. Status perkahwinan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bujang 2. Berkahwin 3. Bercerai/ berpisah 4. Bercerai (berkahwin lain) <hr/> <p>15g. Pekerjaan: _____</p> <hr/> <p>15h. Pendapatan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. RM500 ke bawah 2. RM501 – RM1000 3. RM1001 – RM1500 4. RM1501 – RM2000 5. RM2001 - RM2500 6. RM2501 ke atas
16.	<p>MAKLUMAT PENJAGA (Jika tidak tinggal dengan ibu bapa)</p>

16a. Status penjaga: _____
16b. Umur <ol style="list-style-type: none"> 1. 30 tahun kebawah 2. 31- 40 tahun 3. 41 – 50 tahun 4. 51 – 60 tahun 5. 61 tahun ke atas
16c. Bangsa <ol style="list-style-type: none"> 1. Melayu 2. Cina 3. India 4. Lain-lain _____
16d. Agama <ol style="list-style-type: none"> 1. Islam 2. Kristian 3. Hindu 4. Buddha 5. Lain-lain _____
16e. Tahap pendidikan <ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak bersekolah 2. Sekolah pondok 3. Sekolah rendah 4. SRP 5. SPM 6. STPM 7. Diploma/ Ijazah
16f. Status perkahwinan: <ol style="list-style-type: none"> 1. Bujang 2. Berkahwin 3. Bercerai/ berpisah 4. Bercerai (berkahwin lain)
16g. Pekerjaan: _____
16h. Pendapatan: <ol style="list-style-type: none"> 1. RM500 ke bawah 2. RM501 – RM1000 3. RM1001 – RM1500 4. RM1501 – RM2000 5. RM2001 - RM2500 6. RM2501 ke atas